



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

LAPORAN KAJIAN PENGESANAN GRADUAN 2019

LAPORAN KAJIAN PENGESANAN GRADUAN

2019

Kementerian Pengajian Tinggi
Putrajaya
2020

Cetakan Pertama, 2020
© Kementerian Pengajian Tinggi, 2020

Kementerian Pengajian Tinggi telah sedaya upaya memastikan maklumat yang terkandung dalam laporan ini betul. Namun Kementerian tidak menjamin ketepatan dan kesempurnaannya. Kementerian juga berhak membuat perubahan kepada mana-mana maklumat dan huraian dalam laporan ini pada bila-bila masa. Oleh itu pengguna laporan ini hendaklah merujuk kepada Kementerian sebelum bertindak atau menimbang untuk bertindak berasaskan maklumat dan huraian berkenaan. Kementerian tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kekhilafan, kebinasaan dan kerugian yang disebabkan oleh penggunaan maklumat atau huraian yang diperolehi daripada laporan ini.

Laporan ini disediakan oleh:
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar,
Kementerian Pengajian Tinggi,
No. 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62200 Putrajaya.
Laman web: www.mohe.gov.my
Telefon: 03-8870 6000

ISSN 2756-7907



9 772756 790009

KANDUNGAN

Penghargaan	X
Perutusan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia	XI
Kata Aluan Ketua Setiausaha, KPT	XII
Prakata	XIII
Inti Pati Hasil Kajian Pengesanan Graduan 2019	3-5
BAB 1: PENDAHULUAN	11-22
Graduan 2015 - 2019 : Keluaran dan Status Pekerjaan.	11-20
1.1 Pengenalan kepada Kajian Pengesanan Graduan KPT	21
1.2 Metodologi Kajian	21
1.3 Struktur Soal Selidik Kajian Pengesanan Graduan 2019	21
1.4 Penyertaan IPT dalam Kajian Pengesanan Graduan KPT 2019	22
1.5 Susunan Buku Laporan 2019	22
1.6 Kadar Respon Kaji Selidik 2019	22
BAB 2: GRADUAN 2019: CORAK KELUARAN MENGIKUT JENIS IPT, PERINGKAT PENGAJIAN DAN JANTINA	25-34
2.1 Keluaran keseluruhan, Graduan 2019	25-28
2.1a Keluaran 2019 Mengikut Jenis IPT	25
2.1b Keluaran 2019 Mengikut Peringkat Pengajian dan Jantina	25
2.1c Keluaran 2019 Mengikut Jenis IPT dan Peringkat Pengajian	26
2.1d Keluaran 2019 Mengikut Bidang Pengajian dan Jantina	26
2.1e Keluaran 2019 bagi Setiap Jenis IPT Mengikut Bidang Pengajian	27
2.1f Keluaran 2019 Mengikut Kewarganegaraan, Jantina dan Jenis IPT	27
2.1g Keluaran UA dan IPTS 2019 Mengikut Peringkat Pengajian, Kewarganegaraan dan Jantina	28
2.2 Keluaran Graduan UA 2019	29-35
2.2a Keluaran UA 2019 bagi Setiap Universiti	29
2.2b Keluaran UA 2019 Mengikut Peringkat Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan	29
2.2c Keluaran 2019 Mengikut Kategori UA dan Peringkat Pengajian	30
2.2d Keluaran UA 2019 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan	30
2.2e Keluaran UA Peringkat Ph.D Tahun 2019 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan	31
2.2f Keluaran UA Peringkat Ph.D Tahun 2019 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina	31
2.2g Keluaran UA Peringkat Sarjana Tahun 2019 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan	32

2.2h	Keluaran UA Peringkat Sarjana Tahun 2019 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina	32
2.2i	Keluaran UA Peringkat Ijazah Pertama Tahun 2019 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan	33
2.2j	Keluaran UA Peringkat Ijazah Pertama Tahun 2019 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina	33
2.2k	Pencapaian Akademik Graduan UA Peringkat Ijazah Pertama, 2019	34
2.2l	Keluaran UA Peringkat Diploma Tahun 2019 Mengikut Bidang Pengajian dan Jantina	34
2.2m	Keluaran UA Peringkat Diploma Tahun 2019 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina	35
2.2m	Pencapaian Akademik Graduan UA Peringkat Diploma, 2019	35
2.3	Keluaran Graduan IPTS 2019	36-42
2.3a	Keluaran IPTS 2019 Mengikut Kategori dan Peringkat Pengajian	36
2.3b	Keluaran IPTS 2019 Mengikut Peringkat Pengajian dan Jantina	36
2.3c	Keluaran IPTS 2019 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan	37
2.3d	Keluaran IPTS Peringkat Ph.D Tahun 2019 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan	37
2.3e	Keluaran IPTS Peringkat Ph.D Tahun 2019 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina	38
2.3f	Keluaran IPTS Peringkat Sarjana Tahun 2019 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan	38
2.3g	Keluaran IPTS Peringkat Sarjana Tahun 2019 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina	39
2.3h	Keluaran IPTS Peringkat Ijazah Pertama Tahun 2019 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan	39
2.3i	Keluaran IPTS Peringkat Ijazah Pertama Tahun 2019 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina	40
2.3j	Pencapaian Akademik Graduan IPTS Peringkat Ijazah Pertama, 2019	40
2.3k	Keluaran IPTS 2019 Peringkat Diploma Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan	41
2.3l	Keluaran IPTS Peringkat Diploma Tahun 2019 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina	41
2.3m	Pencapaian Akademik Graduan IPTS Peringkat Diploma, 2019	42
2.4	Keluaran Graduan Politeknik, Kolej Komuniti dan Kolej Vokasional 2019	43-44
2.4a	Keluaran 2019 bagi Politeknik, Kolej Komuniti dan Kolej Vokasional Mengikut Peringkat Pengajian	43
2.4b	Keluaran 2019 bagi Politeknik, Kolej Komuniti dan Kolej Vokasional Mengikut Bidang Pengajian	43
2.4c	Pencapaian Akademik Graduan Politeknik, Kolej Komuniti dan Kolej Vokasional 2019	44
2.5	Keluaran Graduan Institusi di bawah Lain-lain Kementerian 2019	45-46

2.5a	Keluaran 2019 bagi Institusi di Bawah Lain-lain Kementerian	45
2.5b	Keluaran 2019 bagi Institusi di bawah Lain-lain Kementerian Mengikut Bidang Pengajian	45
2.5c	Pencapaian Akademik Graduan bagi Institusi di Bawah Lain-lain Kementerian	46

BAB 3 STATUS PEKERJAAN GRADUAN (WARGANEGARA) 2019 **49-58**

3.1	Status Pekerjaan Keseluruhan Graduan (Warganegara)	49
3.1a	Status Pekerjaan Keseluruhan Graduan 2019	49
3.1b	Status Pekerjaan Keseluruhan Graduan 2019 Mengikut Jenis IPT	49
3.2	Kadar kebolehpasaran Graduan	50-53
3.2a	Kadar Keboleh pasaran Graduan (Bekerja dll) 2019 Mengikut jenis IPT	50
3.2b	Kadar Kebolehpasaran Graduan Ph.d, Sarjana dan Ijazah Pertama 2019 Mengikut Jenis IPT	50
3.2c	Kadar Kebolehpasaran Graduan Diploma dan Sijil 2019 Mengikut Jenis IPT	51
3.2d	Kadar Kebolehpasaran Graduan 2019 Mengikut Setiap UA	51
3.2e	Kadar Kebolehpasaran Graduan 2019 Mengikut IPTS Bertaraf Universiti (20 Tertinggi)	52
3.2f	Kadar Kebolehpasaran Graduan 2019 Mengikut Bidang Pengajian	52
3.2g	Kadar Kebolehpasaran Graduan 2019 Mengikut Negeri Bermastautin	53
3.3	Status Pekerjaan Graduan Ph.D 2019	53-54
3.3a	Status Pekerjaan Graduan Ph.D 2019	53
3.3b	Status Pekerjaan Graduan Ph.D 2019 bagi UA dan IPTS	54
3.4	Status Pekerjaan Graduan Sarjana 2019	54-55
3.4a	Status Pekerjaan Graduan Sarjana 2019	54
3.4b	Status Pekerjaan Graduan Sarjana 2019 Mengikut Jenis IPT	55
3.5	Status Pekerjaan Graduan Ijazah Pertama 2019	55-56
3.5a	Status Pekerjaan Graduan Ijazah Pertama 2019	55
3.5b	Status Pekerjaan Graduan Ijazah Pertama 2019 Mengikut Jenis IPT	56
3.6	Status Pekerjaan Graduan Diploma 2019	56-57
3.6a	Status Pekerjaan Graduan Diploma 2019	56
3.6b	Status Pekerjaan Graduan Diploma 2019 Mengikut Jenis IPT	57
3.7	Status Pekerjaan Graduan Sijil 2019	57-58
3.7a	Status Pekerjaan Graduan Sijil 2019	57

3.7b	Status Pekerjaan Graduan Sijil 2019 Mengikut Jenis IPT	58
BAB 4 MAKLUMAT PEKERJAAN GRADUAN (WARGANEGARA) 2019		61-67
4.1	Taraf Pekerjaan	61-62
4.1a	Taraf Pekerjaan Keseluruhan Graduan Mengikut Jenis IPT 2019	61
4.1b	Taraf Pekerjaan Graduan Mengikut Peringkat Pengajian 2019	62
4.2	Taraf Jawatan	62-63
4.2a	Taraf Jawatan Keseluruhan Graduan Mengikut Jenis IPT 2019	62
4.2b	Taraf Jawatan Graduan Mengikut Peringkat Pengajian 2019	63
4.3	Sektor Pekerjaan	63-64
4.3a	Sektor Pekerjaan Keseluruhan Graduan Mengikut Jenis IPT 2019	63
4.3b	Sektor Pekerjaan Graduan Mengikut Peringkat Pengajian 2019	64
4.4	Kumpulan Pekerjaan	64-65
4.4a	Kumpulan Pekerjaan Keseluruhan Graduan 2019	64
4.4b	Kumpulan Pekerjaan Graduan Mengikut Peringkat Pengajian 2019	65
4.5	Pendapatan Bulanan	66-67
4.5	Pendapatan Bulanan Graduan Mengikut Peringkat Pengajian dan Jenis IPT 2019	66-67
4.6	Sektor Ekonomi	67
4.6	Sektor Ekonomi (10 Tertinggi) Bagi Keseluruhan Graduan 2019	67
BAB 5 GRADUAN 2019 YANG MELANJUTKAN PENGAJIAN		71-75
5.1	Graduan Warganegara 2019 yang Melanjutkan Pengajian	71-73
5.1a	Graduan 2019 yang Melanjutkan Pengajian Mengikut Jenis IPT	71
5.1b	Graduan 2019 yang Melanjutkan Pengajian Mengikut Peringkat Pengajian (Semasa Konvokesyen)	71
5.1c	Peringkat Pengajian yang diikuti oleh Graduan 2019	72
5.1d	Tumpuan bagi Lulusan 2019 yang Melanjutkan Pengajian	72
5.1e	Di mana Lulusan 2019 Melanjutkan Pengajian?	73
5.2	Graduan Antarabangsa 2019 yang Melanjutkan Pengajian	74-75
5.2a	Graduan Antarabangsa 2019 yang Melanjutkan Pengajian Mengikut Jenis IPT	74
5.2b	Peringkat Pengajian yang diikuti oleh Graduan Antarabangsa 2019	74
5.2c	Di mana Lulusan Antarabangsa 2019 Melanjutkan Pengajian?	75

BAB 6 GRADUAN 2019 (WARGANEGARA) YANG BELUM BEKERJA	79-83
6.1 Sebab Belum Bekerja bagi Keseluruhan Graduan 2019	79
6.2 Kadar Graduan 2019 yang Belum Bekerja Mengikut Jenis IPT	79
6.3 Kadar Belum Bekerja Graduan 2019 Mengikut Peringkat Pengajian	80
6.4 Kadar Belum Bekerja Graduan 2019 Mengikut Bidang Pengajian	80
6.5 Kadar Graduan 2019 yang Belum Bekerja Mengikut Negeri Bermastautin	81
6.6 Taburan Graduan 2019 Belum Bekerja Mengikut Penaja Pengajian	81
6.7 Kadar Graduan 2019 yang Belum Bekerja Mengikut Pendapatan Bulanan Keluarga	82
6.8 Kekerapan Menghadiri Temu Duga bagi Graduan 2019 yang Belum Bekerja	82
6.9 Cara Mendapatkan Maklumat Pekerjaan bagi Graduan 2019 yang Belum Bekerja	83
BAB 7 KUMPULAN BERFOKUS : KELUARAN DAN MAKLUMAT PEKERJAAN	89-105
7.1 GRADUAN 2019 YANG BEKERJA SENDIRI	89-91
7.1.a Kadar Bekerja Sendiri Mengikut Jenis IPT dan Jantina bagi Graduan 2019	89
7.1.b Kadar Graduan 2019 Bekerja Sendiri Mengikut Peringkat Pengajian	89
7.1.c Sepuluh Jenis Perniagaan Utama yang Dicuburi Graduan 2019 yang Bekerja Sendiri	90
7.1.d Sumber Modal (Pilihan Pertama) Graduan 2019 yang Bekerja Sendiri	90
7.1.e Pendapatan Bulanan Graduan 2019 yang Bekerja Sendiri	91
7.1.f Pendapatan Bulanan Graduan 2019 yang Bekerja Sendiri Mengikut Jenis Perniagaan (10 Tertinggi)	91
7.2 GRADUAN OKU 2019 : KELUARAN DAN MAKLUMAT PEKERJAAN	95-98
7.2.a Graduan OKU 2019 Mengikut Jenis IPT dan Jantina	95
7.2.b Graduan OKU 2019 Mengikut Peringkat dan Bidang Pengajian	95
7.2.c Jenis Kekacatan Graduan OKU 2019	96
7.2.d(i) Status Pekerjaan Graduan OKU 2019	96
7.2.d(ii) Status Pekerjaan Graduan OKU Mengikut Peringkat Pengajian, 2019	97
7.2.e Sektor Pekerjaan Graduan OKU 2019	97
7.2.f Pendapatan Bulanan Graduan OKU 2019	98
7.2.g Kadar Belum Bekerja Graduan OKU 2019 Mengikut Bidang Pengajian	98
7.3 GRADUAN ORANG ASLI 2019 : KELUARAN DAN MAKLUMAT PEKERJAAN	101-105
7.3.a Graduan Orang Asli 2019 Mengikut Jenis IPT	101
7.3.b Graduan Orang Asli 2019 Mengikut Peringkat dan Bidang Pengajian	101
7.3.c(i) Status Pekerjaan Graduan Orang Asli 2019	102

7.3.c(ii)	Status Pekerjaan Graduan Orang Asli 2019 Mengikut Peringkat Pengajian	102
7.3.c(iii)	Status Pekerjaan Graduan Orang Asli 2019 Mengikut Bidang Pengajian	103
7.3.d	Sektor Pekerjaan Graduan Orang Asli 2019	103
7.3.e	Pendapatan Bulanan Graduan Orang Asli 2019 Mengikut Peringkat Pengajian	104
7.3.f	Jenis Pekerjaan Graduan Orang Asli 2019	104
7.3.g	Sebab Belum Bekerja Graduan Orang Asli 2019	105

LAMPIRAN	109-135
SENARAI IPT YANG MENGAMBIL BAHAGIAN & KADAR RESPONS	109-129
JAWATANKUASA KAJIAN PENGESANAN GRADUAN 2019	130-131
GLOSARI ISTILAH	132-133
GLOSARI SINGKATAN DAN AKRONIM	134-135

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	Keluaran Keseluruhan Graduan, Bilangan IPT dan Kadar Respons bagi Tahun 2015 – 2019	9
Rajah 1.2	Taburan Keluaran Keseluruhan Graduan Mengikut Peringkat Pengajian, 2015 – 2019	10
Rajah 1.3	Taburan Keluaran Graduan UA Mengikut Peringkat Pengajian, 2015 – 2019	11
Rajah 1.4	Taburan Keluaran Graduan IPTS Mengikut Peringkat Pengajian, 2015 – 2019	11
Rajah 1.5	Taburan Keluaran Graduan Politeknik Mengikut Peringkat Pengajian, 2015 – 2019	12
Rajah 1.6	Taburan Keluaran Graduan Kolej Komuniti Mengikut Peringkat Pengajian, 2015 – 2019	13
Rajah 1.7	Status Pekerjaan Keseluruhan Graduan (Warganegara), 2015 – 2019	14
Rajah 1.8a	Kadar Belum Bekerja Bagi Graduan Ph.D dan Sarjana, 2015 – 2019	14
Rajah 1.8b	Kadar Belum Bekerja Bagi Graduan Ijazah Pertama dan Diploma, 2015 – 2019	15
Rajah 1.9a	Status Pekerjaan Graduan UA, 2015 – 2019	15
Rajah 1.9b	Kadar Belum Bekerja Mengikut Peringkat Pengajian bagi Graduan UA, 2015 – 2019	16
Rajah 1.10a	Status Pekerjaan Graduan IPTS 2015 – 2019.	17
Rajah 1.10b	Kadar Belum Bekerja Mengikut Peringkat Pengajian Graduan IPTS, 2015 – 2019	17
Rajah 1.11	Status Pekerjaan Graduan Politeknik 2015 – 2019	18
Rajah 1.12	Status Pekerjaan Graduan Kolej Komuniti 2015 – 2019	18
Rajah 2.1a	Keluaran 2019 Mengikut jenis IPT	25
Rajah 2.1b	Keluaran 2019 Mengikut Peringkat Pengajian dan Jantina	25
Rajah 2.1c	Keluaran 2019 Mengikut Jenis IPT dan Peringkat Pengajian	26
Rajah 2.1d	Keluaran 2019 Mengikut Bidang Pengajian dan Jantina	26
Rajah 2.1e	Keluaran 2019 bagi Setiap Jenis IPT Mengikut Bidang Pengajian	27
Rajah 2.1f	Keluaran 2019 Mengikut Kewarganegaraan, Jantina dan Jenis IPT	27
Rajah 2.1g	Keluaran UA dan IPTS 2019 Mengikut Peringkat Pengajian, Kewarganegaraan dan Jantina	28

Rajah 2.2a	Keluaran UA 2019 bagi Setiap Universiti	29
Rajah 2.2b	Keluaran UA 2019 Mengikut Peringkat Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan	29
Rajah 2.2c	Keluaran 2019 Mengikut Kategori UA dan Peringkat Pengajian	30
Rajah 2.2d	Keluaran UA 2019 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan	30
Rajah 2.2e	Keluaran UA Peringkat Ph.D Tahun 2019 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan	31
Rajah 2.2f	Keluaran UA Peringkat Ph.D Tahun 2019 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina	31
Rajah 2.2g	Keluaran UA Peringkat Sarjana Tahun 2019 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan	32
Rajah 2.2h	Keluaran UA Peringkat Sarjana Tahun 2019 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina	32
Rajah 2.2i	Keluaran UA Peringkat Ijazah Pertama Tahun 2019 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan	33
Rajah 2.2j	Keluaran UA Peringkat Ijazah Pertama Tahun 2019 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina	33
Rajah 2.2k	Pencapaian Akademik Graduan UA Peringkat Ijazah Pertama, 2019	34
Rajah 2.2l	Keluaran UA Peringkat Diploma Tahun 2019 Mengikut Bidang Pengajian dan Jantina	34
Rajah 2.2m	Keluaran UA Peringkat Diploma Tahun 2019 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina	35
Rajah 2.2n	Pencapaian Akademik Graduan UA Peringkat Diploma, 2019	35
Rajah 2.3a	Keluaran IPTS 2019 Mengikut Kategori dan Peringkat Pengajian	36
Rajah 2.3b	Keluaran IPTS 2019 Mengikut Peringkat Pengajian dan Jantina	36
Rajah 2.3c	Keluaran IPTS 2019 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan	37
Rajah 2.3d	Keluaran IPTS Peringkat Ph.D Tahun 2019 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan	37
Rajah 2.3e	Keluaran IPTS Peringkat Ph.D Tahun 2019 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina	38
Rajah 2.3f	Keluaran IPTS Peringkat Sarjana Tahun 2019 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan	38
Rajah 2.3g	Keluaran IPTS Peringkat Sarjana Tahun 2019 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina	39
Rajah 2.3h	Keluaran IPTS Peringkat Ijazah Pertama Tahun 2019 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan	39
Rajah 2.3i	Keluaran IPTS Peringkat Ijazah Pertama Tahun 2019 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina	40
Rajah 2.3j	Pencapaian Akademik Graduan IPTS Peringkat Ijazah Pertama, 2019	40
Rajah 2.3k	Keluaran IPTS 2019 Peringkat Diploma Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan	41
Rajah 2.3l	Keluaran IPTS Peringkat Diploma Tahun 2019 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina	41
Rajah 2.3m	Pencapaian Akademik Graduan IPTS Peringkat Diploma, 2019	42
Rajah 2.4a	Keluaran 2019 bagi Politeknik, Kolej Komuniti dan Kolej Vokasional Mengikut Peringkat Pengajian	43

Rajah 2.4b	Keluaran 2019 bagi Politeknik, Kolej Komuniti dan Kolej Vokasional Mengikut Bidang Pengajian	43
Rajah 2.4c	Pencapaian Akademik Graduan Politeknik, Kolej Komuniti dan Kolej Vokasional, 2019	44
Rajah 2.5a	Keluaran 2019 Bagi Institusi di Bawah Lain-lain Kementerian	45
Rajah 2.5b	Keluaran 2019 Bagi Institusi di bawah Lain-lain Kementerian Mengikut Bidang Pengajian	46
Rajah 2.5c	Pencapaian Akademik Graduan Bagi Institusi di Bawah Lain-lain Kementerian 2019	46
Rajah 3.1a	Status Pekerjaan Keseluruhan Graduan 2019	49
Rajah 3.1b	Status Pekerjaan Keseluruhan Graduan 2019 Mengikut Jenis IPT	49
Rajah 3.2a	Kadar Kebolehpasaran Graduan (Bekerja dlli) 2019 Mengikut Jenis IPT	50
Rajah 3.2b	Kadar Kebolehpasaran Graduan Ph.D, Sarjana dan Ijazah Pertama 2019	50
Rajah 3.2c	Kadar Kebolehpasaran Graduan Diploma dan Sijil 2019 Mengikut Jenis IPT	51
Rajah 3.2d	Kadar Kebolehpasaran Graduan 2019 Mengikut Setiap UA	51
Rajah 3.2e	Kadar Kebolehpasaran Graduan 2019 mengikut IPTS Bertaraf Universiti (20 Tertinggi)	52
Rajah 3.2f	Kadar Kebolehpasaran Graduan 2019 Mengikut Bidang Pengajian	52
Rajah 3.2g	Kadar Kebolehpasaran Graduan 2019 Mengikut Negeri Bermastautin	53
Rajah 3.3a	Status Pekerjaan Graduan Ph.D 2019	53
Rajah 3.3b	Status Pekerjaan Graduan Ph.D 2019 bagi UA dan IPTS	54
Rajah 3.4a	Status Pekerjaan Graduan Sarjana 2019	54
Rajah 3.4b	Status Pekerjaan Graduan Sarjana 2019 Mengikut Jenis IPT	55
Rajah 3.5a	Status Pekerjaan Graduan Ijazah Pertama 2019	55
Rajah 3.5b	Status Pekerjaan Graduan Ijazah Pertama 2019 Mengikut Jenis IPT	56
Rajah 3.6a	Status Pekerjaan Graduan Diploma 2019	56
Rajah 3.6b	Status Pekerjaan Graduan Diploma 2019 Mengikut Jenis IPT	57
Rajah 3.7a	Status Pekerjaan Graduan Sijil 2019	57
Rajah 3.7b	Status Pekerjaan Graduan Sijil 2019 Mengikut Jenis IPT	58
Rajah 4.1a	Taraf Pekerjaan Keseluruhan Graduan Mengikut Jenis IPT 2019	61
Rajah 4.1b	Taraf Pekerjaan Graduan Mengikut Peringkat Pengajian 2019	62
Rajah 4.2a	Taraf Jawatan Keseluruhan Graduan Mengikut Jenis IPT 2019	62
Rajah 4.2b	Taraf Jawatan Keseluruhan Graduan Mengikut Peringkat Pengajian 2019	63
Rajah 4.3a	Sektor Pekerjaan Keseluruhan Graduan Mengikut Jenis IPT 2019	63
Rajah 4.3b	Sektor Pekerjaan Graduan Mengikut Peringkat Pengajian 2019	64
Rajah 4.4a	Kumpulan Pekerjaan Keseluruhan Graduan 2019	64
Rajah 4.4b	Kumpulan Pekerjaan Graduan Mengikut Peringkat Pengajian 2019	65
Rajah 4.5	Pendapatan Bulanan Graduan Mengikut Peringkat Pengajian dan Jenis IPT 2019	66-67
Rajah 4.6	Sektor Ekonomi Pekerjaan (10 Tertinggi) Keseluruhan Graduan 2019	67
Rajah 5.1a	Graduan 2019 yang Melanjutkan Pengajian Mengikut Jenis IPT	71
Rajah 5.1b	Graduan 2019 yang Melanjutkan Pengajian Mengikut Peringkat Pengajian Semasa Konvokesyen	71
Rajah 5.1c	Peringkat Pengajian yang diikuti oleh Graduan 2019	72

Rajah 5.1d	Tumpuan bagi Lulusan 2019 yang Melanjutkan Pengajian	72
Rajah 5.1e	Di mana Lulusan 2019 Melanjutkan Pengajian?	73
Rajah 5.2a	Graduan Antarabangsa 2019 yang Melanjutkan Pengajian Mengikut Jenis IPT	74
Rajah 5.2b	Peringkat Pengajian yang Diikuti oleh Graduan Antarabangsa 2019	74
Rajah 5.2c	Di mana Lulusan Antarabangsa 2019 Melanjutkan Pengajian?	75
Rajah 6.1	Sebab Belum Bekerja bagi Keseluruhan Graduan 2019	79
Rajah 6.2	Kadar Graduan 2019 yang Belum Bekerja Mengikut Jenis IPT	79
Rajah 6.3	Kadar Graduan 2019 yang Belum Bekerja Mengikut Peringkat Pengajian	80
Rajah 6.4	Kadar Belum Bekerja Graduan 2019 Mengikut Bidang Pengajian	80
Rajah 6.5	Kadar Graduan 2019 yang Belum Bekerja Mengikut Negeri Bermastautin	81
Rajah 6.6	Taburan Graduan 2019 Belum Bekerja Mengikut Penaja Pengajian	81
Rajah 6.7	Kadar Graduan 2019 yang Belum Bekerja Mengikut Pendapatan Bulanan Keluarga	82
Rajah 6.8	Kekerapan Menghadiri Temu Duga bagi Graduan 2019 yang Belum Bekerja	82
Rajah 6.9	Cara Mendapatkan Maklumat Pekerjaan bagi Graduan 2019 yang Belum Bekerja	83
Rajah 7.1a	Kadar Bekerja Sendiri Mengikut Jenis PT dan Jantina bagi Graduan 2019	89
Rajah 7.1b	Kadar Graduan 2019 Bekerja Sendiri Mengikut Peringkat Pengajian	89
Rajah 7.1c	Sepuluh Jenis Perniagaan Utama yang Diceburi Graduan 2019 yang Bekerja Sendiri	90
Rajah 7.1d	Sumber Modal (Pilihan Pertama) Graduan 2019 yang Bekerja Sendiri	90
Rajah 7.1e	Pendapatan Bulanan Graduan 2019 yang Bekerja Sendiri	91
Rajah 7.1f	Pendapatan Bulanan Graduan 2019 yang Bekerja Sendiri Mengikut Jenis Perniagaan (10 Tertinggi)	91
Rajah 7.2a	Graduan OKU 2019 Mengikut Jenis IPT dan Jantina	95
Rajah 7.2b	Graduan OKU 2019 Mengikut Peringkat dan Bidang Pengajian	95
Rajah 7.2c	Jenis Kecacatan Graduan OKU 2019	96
Rajah 7.2d(i)	Status Pekerjaan Graduan OKU 2019	96
Rajah 7.2d(ii)	Status Pekerjaan Graduan OKU Mengikut Peringkat Pengajian, 2019	97
Rajah 7.2e	Sektor Pekerjaan Graduan OKU 2019	97
Rajah 7.2f	Pendapatan Bulanan Graduan OKU 2019	98
Rajah 7.2g	Kadar Belum Bekerja Graduan OKU 2019 Mengikut Bidang Pengajian	98
Rajah 7.3a	Graduan Orang Asli 2019 Mengikut Jenis IPT	101
Rajah 7.3b	Graduan Orang Asli 2019 Mengikut Peringkat dan Bidang Pengajian	101
Rajah 7.3c(i)	Status Pekerjaan Graduan Orang Asli, 2019	102
Rajah 7.3c(ii)	Status Pekerjaan Graduan Orang Asli 2019 Mengikut Peringkat Pengajian	102
Rajah 7.3c(iii)	Status Pekerjaan Graduan Orang Asli 2019 Mengikut Bidang Pengajian	103
Rajah 7.3d	Sektor Pekerjaan Graduan Orang Asli 2019	103
Rajah 7.3e	Pendapatan Bulanan Graduan Orang Asli 2019 Mengikut Peringkat Pengajian	104
Rajah 7.3f	Jenis Pekerjaan Graduan Orang Asli 2019	104
Rajah 7.3g	Sebab Belum Bekerja bagi Graduan Orang Asli 2019	105

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu kami ingin menzahirkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wataala di atas limpah kurniaNya serta inayahNya, buku laporan 2019 ini dapat diterbitkan.

Kepada para graduan yang telah berjaya dalam pelbagai bidang dan peringkat pengajian masing-masing diucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas. Kementerian turut merakamkan penghargaan kepada graduan yang mengambil bahagian dalam kaji selidik Kajian Pengesanan Graduan 2019. Maklum balas yang diberi oleh graduan ini dijadikan teras dalam memahami apa yang dilakukan oleh graduan sejeurus selepas tamat pengajian disamping memberi manfaat kepada pelbagai pihak, khususnya kepada kementerian ini, IPT anda, para graduan dan para pelajar sekolah, institusi pendidikan tinggi (IPT) dan institusi latihan kemahiran awam (ILKA).

Penghargaan yang tidak terhingga ingin kami tujukan kepada pengurusan dan pegawai pentadbir universiti awam, IPTS, politeknik, kolej komuniti, kolej vokasional, ILKA dan lain-lain institusi pendidikan tinggi yang telah memberi kerjasama dan komitmen sepenuhnya dalam kajian ini. Kerjasama yang berterusan ini juga telah dapat meningkatkan penyertaan IPT dan kadar respons saban tahun.

Sesungguhnya bagi menjayakan kajian yang meluas seperti ini memerlukan penglibatan dan sokongan pelbagai pihak secara langsung dan tidak langsung. Kepada semua yang terlibat kami mengucapkan jutaan terima kasih. Terima kasih yang tidak terhingga kami ucapkan kepada YBhg. Dato' KSU KPT, Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi, Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Sumber Manusia (KSM), Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Kerja Raya (KKR), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) serta semua pihak di IPT/ILKA yang telah memberi sokongan padu dalam menjayakan kajian ini. Sebarang komen atau cadangan bagi meningkatkan lagi kualiti dan mutu laporan ini amatlah dialukan.

Sekian, terima kasih.
Sidang Pengarang

PERUTUSAN MENTERI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
Salam sejahtera.

Kajian Pengesanan Graduan telah dilaksanakan mulai tahun 2006 oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan ia adalah salah satu instrumen pengumpulan data yang penting kepada negara. Hal ini kerana salah satu aspek yang dinilai dalam mengukur keberkesanan penyampaian perkhidmatan pendidikan tinggi adalah keberhasilan graduan. Melalui kajian ini, keberhasilan graduan dilihat menerusi tiga (3) dimensi iaitu keupayaan graduan mendapatkan pekerjaan setelah tamat pengajian, inisiatif graduan untuk melanjutkan pengajian serta usaha mereka dalam meningkatkan kemahiran menerusi program-program keusahawanan dan pensijilan.

Di dalam menghadapi dunia pekerjaan yang dinamik di samping perubahan teknologi yang pesat; pihak kerajaan, institusi pendidikan tinggi, graduan serta industri harus sentiasa bersedia untuk melaksanakan perubahan. Hal ini bagi memastikan graduan yang dilatih di institusi pendidikan tinggi adalah graduan yang versatile dan dapat memenuhi keperluan industri, masyarakat dan negara. Maka, adalah wajar dapatan kajian yang dilaksanakan oleh KPT ini wajar dijadikan sebagai salah satu indikator senario kebolehpasaran graduan negara untuk membantu pelbagai pihak merangka dasar dan perancangan pembangunan modal insan yang komprehensif.

Saya berharap agar Kajian Pengesanan Graduan yang dilaksanakan oleh KPT ini akan terus mampan relevan dan memberi ribuan manfaat kepada pelbagai pemegang taruh di Negara ini.

Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad
Menteri Pengajian Tinggi



KATA ALUAN KETUA SETIAUSAHA, KPT



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
Salam sejahtera.

Laporan Kajian Pengesanan Graduan yang diterbitkan secara tahunan oleh Kementerian Pengajian Tinggi merupakan wadah terbaik untuk menggambarkan senario kebolehpasaran graduan di negara ini. Statistik yang dipaparkan adalah manifestasi keberhasilan graduan yang amat penting di dalam perancangan pembangunan pendidikan tinggi di Malaysia.

Laporan ini bukan hanya perkongsian data oleh pihak KPT dengan pelbagai pihak, malah ia merupakan inisiatif untuk merekayasa program-program kebolehpasaran graduan di negara ini melalui intervensi bersasar. Statistik dan fakta yang dipaparkan merupakan indikator bahawa isu kebolehpasaran graduan boleh ditangani dengan memberi fokus kepada jurang yang dipaparkan di dalam bentuk angka dan peratusan. Namun, data tersebut perlu dianalisis dengan lebih mendalam agar ia dapat memberi makna yang membawa kepada maklumat dan pengetahuan untuk diterjemahkan kepada perancangan program dan keputusan dasar yang lebih mantap dan tuntas.

Justeru, KPT amat berharap agar pelbagai pihak sama ada organisasi kerajaan, swasta, badan antarabangsa, akademia, penyelidik atau pelajar dapat memanfaatkan setiap informasi yang dipaparkan di dalam penerbitan ini.

Datuk Seri Dr. Mazlan Yusoff
Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi

PRAKATA

Buku laporan Kajian Pengesanan Graduan 2019 ini merupakan laporan keempat belas yang diterbitkan berdasar kajian pengesanan graduan KPT yang dijalankan secara atas talian ke atas graduan IPT negara yang berkonvokesyen pada tahun berkenaan. Diharapkan penerbitan ini dapat memberi maklumat tambahan berkaitan senario graduan negara dalam pasaran pekerjaan.

Secara keseluruhannya, laporan tahun 2019 ini mengandungi sorotan hasil kajian 2019 serta satu sisipan berkaitan trend keluaran dan status pekerjaan graduan 2015 hingga 2019 dimuatkan di awal laporan. Laporan adalah berbentuk infografik dan terbahagi kepada 7 bahagian, iaitu Bab 1 memaparkan tentang latar belakang, metodologi dan struktur soal selidik. Profil graduan 2019 mengikut jenis IPT, peringkat pengajian dan jantina diperincikan dalam Bab 2. Status pekerjaan dan kebolehpasaran graduan (warganegara) 2019 mengikut setiap IPT, peringkat dan bidang pengajian dibentangkan dalam Bab 3. Bab 4 menerangkan maklumat pekerjaan graduan 2019 seperti taraf pekerjaan, taraf jawatan, kumpulan pekerjaan, sektor pekerjaan serta pendapatan bulanan. Bab 5 dikhususkan kepada graduan 2019 yang melanjutkan pengajian, dan Bab 6 memperihalkan graduan (warganegara) 2019 yang belum bekerja. Bab 7 pula mengandungi laporan berfokus, iaitu graduan yang bekerja sendiri, graduan OKU dan graduan Orang Asli. Jumlah yang tertera pada jadual adalah tidak tepat 100 peratus disebabkan perbundaran.

Jawatankuasa pengarang berharap laporan ini dapat dijadikan input yang positif bagi meningkatkan lagi kualiti dan tahap kebolehdapatan kerja graduan negara secara berterusan. Segala maklumat yang dimuatkan dalam laporan ini adalah berdasarkan fakta dan data-data yang tepat serta terkini agar dapat memberi pengetahuan berharga dan manfaat kepada semua pihak yang berkenaan.

Jawatankuasa Pengarang
Laporan Kajian Pengesanan Graduan 2019



**INTI PATI HASIL
KAJIAN PENGESANAN
GRADUAN 2019**

1.1 Profil Graduan 2019

- 1.1.1 Pada tahun 2019, Kajian Pengesanan Graduan KPT telah diperluaskan lagi kepada Institusi ILKA seluruh negara yang mengeluarkan graduan peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap 1 dan ke atas.
- 1.1.2 Secara keseluruhannya, sebanyak 884 IPT telah menyertai kajian tahun 2019 dengan bilangan graduan yang dikeluarkan adalah seramai 346,686 orang. Universiti awam mengeluarkan seramai 129,700 graduan, diikuti IPTS (128,392 graduan), politeknik (29,127 graduan), kolej vokasional (14,063 graduan) dan kolej komuniti (11,150 graduan). ILKA di bawah KPLB mengeluarkan graduan seramai 19,051 graduan, ILKA di bawah KSM (7,214 graduan), ILKBS di bawah KBS (3,445 graduan), ILKAP di bawah MAFI (1,085 graduan), ILKA KKR (820 graduan) dan ILKA MOTAC (79 graduan) dan IPT lain (2,560 graduan).
- 1.1.3 Peringkat pengajian ijazah pertama merupakan keluaran tertinggi pada tahun 2019, iaitu sebanyak 40.2 peratus, diikuti keluaran peringkat diploma (40.0 peratus), peringkat sijil (10.8 peratus), peringkat sarjana (6.8 peratus), peringkat Ph.D (1.5 peratus) dan peringkat lain (0.7 peratus).
- 1.1.4 Bagi keluaran mengikut bidang pengajian, peratus terbesar adalah terdiri dari lulusan dalam bidang pengajian sains sosial, perniagaan dan perundangan, iaitu sebanyak 31.9 peratus. Ini diikuti bidang pengajian kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan (29.7 peratus), bidang sains, matematik dan komputer (10.3 peratus) dan bidang sastera dan kemanusiaan (8.0 peratus).
- 1.1.5 Graduan antarabangsa mewakili 4.6 peratus (16,129 orang) dari keseluruhan graduan tahun 2019. Universiti awam mengeluarkan seramai 5,188 graduan antarabangsa dan sebahagian besarnya di peringkat sarjana (40.7 peratus), diikuti peringkat Ph.D (34.1 peratus) dan 25.1 peratus peringkat ijazah pertama. Manakala daripada 10,936 graduan antarabangsa IPTS, 57.3 peratus merupakan graduan peringkat ijazah pertama, diikuti peringkat sarjana (27.6 peratus) dan peringkat diploma (9.7 peratus).

1.2 Status Pekerjaan Graduan (Warganegara) 2019

- 1.2.1 Sebanyak 63.5 peratus graduan yang berkonvokesyen pada tahun 2019 menyatakan mereka telah bekerja, diikuti 16.7 peratus sedang melanjutkan pengajian, menunggu penempatan pekerjaan (4.7 peratus), sedang meningkatkan kemahiran (1.3 peratus) dan graduan yang belum bekerja (13.8 peratus).
- 1.2.2 Peratus tertinggi dalam kategori bekerja ialah graduan politeknik, iaitu sebanyak 81.2 peratus, diikuti oleh graduan kolej vokasional (76.8 peratus), kolej komuniti (74.4 peratus) dan ILKA KKR (71.4 peratus).
- 1.2.3 Kesemua graduan peringkat sijil lepasan ijazah menyatakan mereka sudah bekerja. Peringkat pengajian yang mencatat peratus bekerja melebihi 80 peratus ialah peringkat diploma lanjutan (85.2 peratus), peringkat sarjana (82.6 peratus) dan peringkat Ph.D (83.2 peratus).

1.3 Maklumat Pekerjaan Graduan 2019

- 1.3.1 Majoriti, iaitu 70.6 peratus graduan 2019 yang bekerja merupakan pekerja swasta (termasuk NGO), diikuti pekerja kerajaan (10.7 peratus), bekerja sendiri (6.5 peratus), bekerja dengan keluarga (5.1 peratus) dan sebagai majikan (4.8 peratus).
- 1.3.2 Sebahagian besar, iaitu 55.8 peratus graduan yang bekerja menyatakan pekerjaan mereka bertaraf tetap, diikuti taraf kontrak (25.3 peratus) dan taraf sementara (18.9 peratus).

- 1.3.3 Sektor swasta merupakan pembekal pekerjaan kepada graduan 2019, iaitu sebanyak 68.6 peratus, dengan swasta tempatan membekalkan sebanyak 50.2 peratus dan swasta multinasional (18.4 peratus). Sektor pertubuhan bukan kerajaan (NGO) merupakan pembekal kedua terbesar (14.8 peratus), diikuti sektor kerajaan (10.8 peratus).
- 1.3.4 Sebanyak 38.2 peratus graduan 2019 bekerja dalam kumpulan profesional, diikuti kumpulan juruteknik dan profesional bersekutu (19.5 peratus), kumpulan pekerja sokongan perkeranian (12.3 peratus) dan pekerja perkhidmatan dan jualan (11.4 peratus).
- 1.3.5 Pendapatan bulanan graduan 2019 mengikut peringkat pengajian menunjukkan peratus tertinggi graduan Ph.D dan sarjana berada dalam kumpulan pendapatan RM5001 – RM10,000, iaitu masing-masing 56.3 peratus dan 31.1 peratus. Peringkat ijazah pertama pula menunjukkan peratus tertinggi berada dalam kumpulan pendapatan RM1001 – RM2000, iaitu sebanyak 36.6 peratus. Begitu juga bagi peringkat diploma, sebanyak 67.3 peratus berada dalam kumpulan pendapatan RM1001 – RM2000.

1.4 Graduan 2019 yang Melanjutkan Pengajian

- 1.4.1 Sebanyak 20.3 peratus graduan 2019 melanjutkan pengajian sejeurus saja tamat pengajian, majoritinya melanjutkan pengajian ke satu tahap yang lebih tinggi dari sebelumnya. Bagi graduan sarjana, sebanyak 79.8 peratus melanjutkan pengajian ke peringkat Ph.D. Sebahagian besar graduan ijazah pertama pula, iaitu 66.6 peratus melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana dan sebanyak 89.7 graduan diploma melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah pertama. Manakala sebanyak 70.3 peratus graduan sijil melanjutkan pengajian ke peringkat diploma.
- 1.4.2 Majoriti (94.6 peratus) graduan UA yang melanjutkan pengajian menyambung semula pengajian mereka ke UA, 66.1 peratus graduan IPTS melanjutkan pengajian ke IPTS manakala sebanyak 85.1 peratus graduan politeknik pula memilih UA sebagai destinasi untuk melanjutkan pengajian.
- 1.4.3 Bagi graduan antarabangsa, sebanyak 28.3 peratus melanjutkan pengajian sejeurus saja tamat pengajian. Sebahagian besar, iaitu 54.0 peratus melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana, diikuti peringkat Ph.D (21.9 peratus), peringkat ijazah pertama (14.7 peratus) dan diploma sebanyak 2.1 peratus.

1.5 Maklumat Graduan 2019 (Warganegara) yang Belum Bekerja

- 1.5.1 Sebahagian besar graduan 2019 yang belum bekerja memaklumkan mereka sedang aktif mencari pekerjaan, iaitu sebanyak 67.1 peratus. Terdapat 11.8 peratus graduan yang belum bekerja memilih untuk berehat/melancong/bercuti setelah tamat pengajian dan 6.2 peratus pula sedang menunggu keputusan/tawaran melanjutkan pengajian. Selebihnya belum bekerja kerana memikul tanggungjawab terhadap keluarga (4.9 peratus), kerja yang ditawarkan tidak sesuai (2.7 peratus), memilih untuk tidak bekerja (2.3 peratus), sebab kesihatan/bersalin/hilang upaya (1.5 peratus) dan sebanyak 1.0 peratus tidak minat untuk bekerja dan kurang keyakinan diri memasuki dunia pekerjaan.
- 1.5.2 Kadar belum bekerja mengikut jenis IPT menunjukkan graduan kolej komuniti mencatat peratus terendah kadar belum bekerja, iaitu 2.2 peratus, diikuti kolej vokasional (2.6 peratus), politeknik (3.3 peratus), ILKBS KBS (10.8 peratus) dan UA sebanyak 12.2 peratus. Kadar tertinggi, iaitu 35.1 peratus dicatat oleh graduan ILKA MOTAC.

1.6 Graduan 2019 yang Bekerja Sendiri

- 1.6.1 Sebanyak 13.7 peratus daripada responden 2019 yang bekerja menyatakan mereka bekerja sendiri. Graduan IPT lain mencatat peratus tertinggi, iaitu 28.0 peratus, diikuti graduan ILKA MOTAC (25.0 peratus), graduan ILKA KPLB (21.0 peratus) dan graduan ILKAP MAFI (18.5 peratus).

- 1.6.2 Peratus tertinggi jenis perniagaan yang dijalankan ialah perniagaan atas talian (e-business/online), iaitu sebanyak 10.3 peratus, diikuti restoran/warung/food truck (6.6 peratus), pendidikan (6.4 peratus) dan jualan langsung (5.5 peratus).
- 1.6.3 Dua kelompok utama kumpulan pendapatan graduan yang baru memulakan perniagaan ialah dalam selang pendapatan RM1000 dan ke bawah, iaitu sebanyak 41.9 peratus dan 37.3 peratus dalam selang pendapatan RM1001 hingga RM2000. Hanya 7.5 peratus berada dalam kumpulan pendapatan RM3001 dan ke atas.

1.7 Graduan OKU 2019; Keluaran dan Maklumat Pekerjaan

- 1.7.1 Pada tahun 2019, seramai 1,017 graduan berstatus OKU telah dikeluarkan oleh IPT tempatan. UA mengeluarkan seramai 287 orang graduan OKU, diikuti IPTS (245 orang), politeknik (167 orang), kolej komuniti (164 orang), ILKA lain (145 orang) dan IPT lain (9 orang).
- 1.7.2 Dalam kalangan 1,017 orang graduan OKU yang dikeluarkan oleh IPT pada tahun 2019, sebanyak 38.3 peratus adalah di peringkat sijil, 28.9 peratus di peringkat diploma, 25.9 peratus di peringkat ijazah pertama dan 4.4 peratus di peringkat sarjana.
- 1.7.3 Sebahagian besar, iaitu 42.7 peratus graduan OKU 2019 mengalami kecacatan anggota fizikal, diikuti 18.3 peratus masalah pembelajaran, 17.5 peratus cacat penglihatan, 14.4 peratus kecacatan pendengaran, dan 5.0 peratus mengalami pelbagai kecacatan. Selebihnya mengalami masalah kecacatan mental dan pertuturan, iaitu masing-masing 1.2 peratus dan 0.8 peratus.
- 1.7.4 Dalam kalangan graduan OKU tersebut, sebanyak 60.7 peratus telah bekerja semasa menghadiri konvokesyen masing-masing. Terdapat 14.8 peratus graduan OKU yang melanjutkan pengajian dan sebanyak 21.4 peratus masih belum bekerja.
- 1.7.5 Sebahagian besar, iaitu 72.6 peratus graduan OKU bekerja dalam sektor swasta dengan 61.0 peratus dalam swasta tempatan dan 11.6 peratus dalam sektor swasta multinasional.
- 1.7.6 Dua kelompok utama pendapatan bulanan graduan OKU 2019 yang bekerja ialah dalam kumpulan pendapatan bulanan RM1001 – RM2000 (47.2 peratus) dan kumpulan RM1000 dan ke bawah (31.3 peratus).

1.8 Graduan Orang Asli 2019; Keluaran dan Maklumat Pekerjaan

- 1.8.1 Seramai 275 graduan berketurunan Orang Asli telah dikeluarkan oleh IPT negara pada tahun 2019. Daripada jumlah itu, keluaran UA adalah terbesar iaitu seramai 144 orang, diikuti IPTS (79 orang), kolej komuniti (16 orang), politeknik (12 orang) dan kolej vokasional seramai 11 orang. Kumpulan terbesar graduan Orang Asli adalah di peringkat diploma (136 orang), diikuti peringkat ijazah pertama (98 orang), sijil (28 orang) dan peringkat sarjana (12 orang).
- 1.8.2 Sebahagian besar, iaitu 61.6 peratus graduan berketurunan Orang Asli 2019 berada dalam kategori bekerja. Manakala 14.3 peratus melanjutkan pengajian, 3.0 peratus menunggu penempatan pekerjaan, 2.5 peratus meningkatkan kemahiran dan 18.6 peratus lagi masih belum bekerja.
- 1.8.3 Sektor swasta tempatan membekalkan sebanyak 48.7 peratus pekerjaan kepada graduan Orang Asli 2019 yang bekerja, diikuti NGO (20 peratus) dan sektor kerajaan persekutuan (13.9 peratus). Selebihnya bekerja dalam sektor swasta multinasional (12.2 peratus), kerajaan negeri/tempatan (1.7 peratus), GLC (1.7 peratus) dan badan berkanun (1.7 peratus).
- 1.8.4 Secara keseluruhan, peratus terbesar graduan Orang Asli 2019 yang bekerja berada dalam selang pendapatan bulanan RM1001 – RM2000 (57.6 peratus), diikuti kumpulan pendapatan RM1000 dan kebawah, iaitu (19.9 peratus).




PENDAHULUAN **BAB 1**



**GRADUAN 2015 – 2019:
KELUARAN DAN STATUS
PEKERJAAN**

KELUARAN GRADUAN, 2015 – 2019

Pada tahun 2019, Kajian Pengesanan Graduan telah diperluaskan lagi kepada graduan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap 1, Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA). ILKA mula menyertai kajian ini bermula tahun 2018 dengan penyertaan keluaran SKM tahap 3. Bilangan IPT yang menyertai Kajian Pengesanan Graduan pada tahun 2019 meningkat kepada 884 IPT, berbanding 702 IPT pada tahun 2018. Keluaran graduan turut meningkat dalam tempoh lima tahun, iaitu dari 273,373 graduan pada tahun 2015 kepada 346,686 pada tahun 2019. Kadar respons secara keseluruhan terus meningkat dari tahun ke tahun, iaitu daripada 86.8 peratus pada tahun 2015 kepada 89.1 peratus pada tahun 2019 (**Rajah 1.1**).



Rajah 1.1

Keluaran keseluruhan graduan, bilangan IPT dan kadar respons bagi tahun 2015 – 2019

Peratus taburan keluaran keseluruhan graduan bagi tempoh lima tahun, iaitu dari tahun 2015 hingga 2019 ditunjukkan dalam **Jadual 1.1** dan **Rajah 1.2**. Diperhatikan jumlah keluaran graduan bagi peringkat ijazah pertama adalah tertinggi dalam tempoh tersebut, iaitu seramai 678,379 graduan dan kumpulan kedua tertinggi ialah peringkat diploma dengan seramai 619,526 graduan. Peringkat sarjana merupakan kumpulan ketiga tertinggi dengan keluaran seramai 113,920 graduan. Keluaran graduan peringkat sijil meningkat dengan ketara pada tahun 2018 disebabkan penglibatan ILKA seluruh negara yang mengeluarkan graduan peringkat SKM tahap 3 dan ke atas dan jumlahnya terus meningkat kepada 37,418 graduan pada tahun 2019. Keluaran peringkat Ph.D juga menunjukkan peningkatan yang berterusan dari tahun 2015 hingga 2018, menurun sedikit pada tahun 2019.

Keluaran keseluruhan

2015	273,373
2016	283,627
2017	299,635
2018	341,311
2019	346,686

2015

Ijazah pertama	44.9
Diploma	41.5
Sarjana	7.8
Sijil	3.7
Ph.D	1.4
*Peringkat lain	0.7

2016

Ijazah pertama	49.2
Diploma	37.3
Sarjana	7.8
Sijil	3.6
Ph.D	1.5
*Peringkat lain	0.5

2017

Ijazah pertama	45.6
Diploma	40.3
Sarjana	8.0
Sijil	3.9
Ph.D	1.7
*Peringkat lain	0.5

2018

Ijazah pertama	40.9
Diploma	41.2
Sarjana	6.7
Sijil	9.0
Ph.D	1.5
*Peringkat lain	0.5

2019

Ijazah pertama	40.2
Diploma	40.0
Sarjana	6.8
Sijil	10.8
Ph.D	1.5
*Peringkat lain	0.7

* Termasuk diploma lepasan ijazah, sijil lepasan ijazah, diploma lanjutan dan profesional

Rajah 1.2

Taburan keluaran keseluruhan graduan mengikut peringkat pengajian, 2015 – 2019

Jadual 1.1: Taburan keluaran keseluruhan graduan mengikut peringkat pengajian, 2015 – 2019

Peringkat pengajian	2015	2016	2017	2018	2019	Jumlah
Ph.D	3,761	4,318	5,000	5,145	5,079	23,303
Sarjana	21,451	22,004	24,068	22,878	23,519	113,920
Ijazah pertama	122,805	139,668	136,645	139,741	139,520	678,379
Diploma	133,585	105,891	120,650	140,632	138,768	619,526
Sijil	10,001	10,166	11,547	30,846	37,418	99,978
*Peringkat lain	1,770	1,580	1,725	2,069	2,382	9,526
Keseluruhan	273,373	283,627	299,635	341,311	346,686	1,544,632


Nota : *Peringkat diploma lepasan ijazah, diploma lanjutan, sijil lepasan ijazah, dan profesional

2015	2016	2017	2018	2019
Keluaran UA				
123,639	124,223	135,141	132,518	129,700
Ijazah pertama 60.0	Ijazah pertama 69.2	Ijazah pertama 60.2	Ijazah pertama 61.5	Ijazah pertama 60.9
Diploma 23.5	Diploma 13.3	Diploma 22.5	Diploma 21.6	Diploma 21.9
Sarjana 13.4	Sarjana 13.7	Sarjana 13.5	Sarjana 12.7	Sarjana 12.9
Ph.D 2.7	Ph.D 3.1	Ph.D 3.4	Ph.D 3.4	Ph.D 3.3
*Peringkat lain 0.4	*Peringkat lain 0.7	*Peringkat lain 0.5	*Peringkat lain 0.7	*Peringkat lain 1.1

* Termasuk diploma lepasan ijazah, diploma lanjutan dan profesional

Rajah 1.3 Taburan keluaran graduan UA mengikut peringkat pengajian, 2015 – 2019


Keluaran graduan universiti awam (UA) bagi tempoh 2015 hingga 2019 dipaparkan pada **Rajah 1.3**. Secara keseluruhannya, UA telah mengeluarkan seramai 645,221 graduan dengan sebahagian besarnya adalah di peringkat ijazah pertama, diikuti peringkat diploma, peringkat sarjana, peringkat Ph.D dan peringkat lain.



* Termasuk diploma lepasan ijazah, sijil lepasan ijazah, diploma lanjutan, sijil dan profesional

Rajah 1.4 Taburan keluaran graduan IPTS mengikut peringkat pengajian, 2015 – 2019


Rajah 1.4 memaparkan keluaran IPTS seramai 623,147 graduan bagi tempoh 2015 hingga 2019. Dua kumpulan terbesar keluaran IPTS adalah pada peringkat diploma dan ijazah pertama. Keluaran peringkat diploma menunjukkan penurunan berterusan, iaitu sebanyak 49.1 peratus pada tahun 2017 kepada 45.2 peratus pada tahun 2019. Sebaliknya lulusan ijazah pertama meningkat, iaitu dari 44.9 peratus pada tahun 2015 kepada 47.0 peratus pada tahun 2019. Keluaran graduan Ph.D juga menunjukkan peratus yang meningkat, iaitu dari 0.3 peratus pada tahun 2015 kepada 0.6 peratus pada tahun 2019.



 **Keluaran Politeknik**

Rajah 1.5 Taburan keluaran graduan politeknik mengikut peringkat pengajian, 2015 – 2019

Keluaran politeknik dalam tempoh 2015 hingga 2019 ditunjukkan dalam **Rajah 1.5**. Dalam tempoh lima tahun politeknik telah mengeluarkan seramai 135,741 graduan dan majoriti, iaitu melebihi 98.5 peratus adalah lulusan peringkat diploma. Bermula tahun 2016, politeknik telah mengeluarkan graduan peringkat ijazah pertama, iaitu seramai 8 orang dan bilangannya meningkat kepada 178 orang pada tahun 2019.



 **Keluaran kolej komuniti**


Rajah 1.6

Taburan keluaran graduan kolej komuniti mengikut peringkat pengajian, 2015 – 2019

Rajah 1.6 memaparkan keluaran kolej komuniti dalam tempoh 2015 hingga 2019, dengan keluaran seramai 45,166 graduan, dengan majoritinya adalah lulusan peringkat sijil. Bermula tahun 2016, kolej komuniti telah mengeluarkan graduan peringkat diploma, iaitu seramai 25 orang pada tahun 2016 dan meningkat kepada 286 orang pada tahun 2019.


STATUS PEKERJAAN GRADUAN (WARGANEGARA), 2015 – 2019

Status pekerjaan keseluruhan graduan bagi tahun 2015 hingga 2019 adalah seperti yang dipaparkan pada **Rajah 1.7**. Kadar bekerja dan lain-lain menunjukkan trend meningkat setiap tahun, iaitu dari 76.1 peratus pada tahun 2015 kepada 86.2 peratus pada tahun 2019. Sebaliknya, kadar belum bekerja menunjukkan penurunan setiap tahun, iaitu dari 23.9 peratus pada tahun 2015 kepada 13.8 peratus pada tahun 2019.



Nota: * Termasuk melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan


Rajah 1.7 Status pekerjaan keseluruhan graduan (warganegara), 2015 – 2019




Rajah 1.8a Kadar belum bekerja bagi graduan Ph.D dan sarjana, 2015 – 2019

Rajah 1.8a memaparkan kadar belum bekerja bagi graduan pascaijazah (Ph.D dan sarjana) tahun 2015 hingga 2019. Kadar belum bekerja graduan Ph.D menunjukkan peningkatan iaitu dari 11.8 peratus pada tahun 2015 kepada 18.1 peratus pada tahun 2018, kemudian menurun kepada 12.0 peratus pada tahun 2019. Manakala bagi peringkat sarjana menunjukkan trend yang menurun, iaitu daripada 16.5 peratus pada tahun 2016 kepada 10.2 peratus pada tahun 2019.

Kadar belum bekerja bagi graduan ijazah pertama dan diploma dipaparkan dalam **Rajah 1.8b**. Kadar belum bekerja bagi graduan ijazah pertama menunjukkan trend penurunan dalam tempoh lima tahun, iaitu dari 27.9 peratus pada tahun 2015 kepada 16.3 peratus pada tahun 2019. Kadar belum bekerja bagi graduan diploma juga menunjukkan trend penurunan dalam tempoh lima tahun, iaitu 22.5 peratus pada tahun 2015 dan menurun kepada 12.5 peratus pada tahun 2019.



Rajah 1.8b Kadar belum bekerja graduan bagi ijazah pertama dan diploma, 2015 – 2019




Nota: * Termasuk melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan

Rajah 1.9a Status pekerjaan graduan UA, 2015 – 2019

Status pekerjaan bagi keseluruhan graduan UA dari tahun 2015 hingga 2019 dipaparkan dalam **Rajah 1.9a**. Diperhatikan kadar bekerja dan lain-lain dalam tempoh tersebut meningkat setiap tahun dengan kadar tertinggi ialah pada tahun 2019, iaitu sebanyak 87.8 peratus. Manakala kadar belum bekerja menunjukkan penurunan setiap tahun, terendah bagi graduan 2019, iaitu 12.2 peratus.

Rajah 1.9b memaparkan kadar belum bekerja bagi graduan UA mengikut peringkat pengajian bagi tahun 2015 hingga 2019. Kadar belum bekerja bagi graduan pascaijazah menunjukkan trend yang meningkat bagi tahun 2015 dan 2016, kemudian menurun pada tahun 2017 hingga 2019. Sebaliknya kadar belum bekerja bagi graduan ijazah pertama UA menunjukkan trend yang menurun, iaitu daripada 28.9 peratus pada tahun 2015 kepada 25.6 peratus pada tahun 2016, kemudian meningkat sedikit pada tahun 2017 kepada 26.7 peratus dan selepas itu menurun kepada 13.3 peratus pada 2019. Bagi graduan diploma, kadar belum bekerja juga menunjukkan trend menurun bermula tahun 2015 sehinggalah 2017, kemudian meningkat sebanyak 1.6 peratus pada tahun 2018 dan menurun kepada 10.1 peratus pada tahun 2019.

**Rajah 1.9b**

Kadar belum bekerja mengikut peringkat pengajian bagi graduan UA, 2015 – 2019


Rajah 1.10a memaparkan status pekerjaan graduan IPTS pada tahun 2015 hingga 2019. Kategori bekerja dan lain-lain bagi graduan IPTS dalam tempoh lima tahun adalah diantara 73.8 peratus hingga 79.0 peratus. Kadar belum bekerja pula adalah tertinggi bagi graduan 2016, iaitu 27.2 peratus dan terendah pada tahun 2019, iaitu 21.0 peratus.




Nota: * Termasuk melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan

Rajah 1.10a Status pekerjaan graduan IPTS, 2015 – 2019

Kadar belum bekerja bagi graduan IPTS mengikut peringkat pengajian dipaparkan dalam **Rajah 1.10b**. Kadar belum bekerja graduan pascaiijazah menunjukkan trend yang menurun bermula tahun 2016, iaitu 12.6 peratus kepada 9.9 peratus pada tahun 2019. Bagi graduan ijazah pertama IPTS, kadar belum bekerja adalah tertinggi, iaitu 27.6 peratus bagi graduan tahun 2016 dan terendah, iaitu 21.0 peratus pada tahun 2019. Bagi graduan diploma pula, kadar belum bekerja menunjukkan penurunan bermula tahun 2016, iaitu 27.7 peratus kepada 22.2 peratus pada tahun 2019.



Rajah 1.10b Kadar belum bekerja mengikut peringkat pengajian bagi graduan IPTS, 2015 – 2019




Nota: * Termasuk melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan

Rajah 1.11 Status pekerjaan graduan politeknik, 2015 – 2019

Rajah 1.11 memaparkan status pekerjaan graduan politeknik bagi tahun 2015 hingga 2019. Dalam tempoh tersebut, kategori bekerja dan lain-lain meningkat dengan ketara dari 79.5 peratus pada tahun 2015 kepada 96.7 peratus pada tahun 2019. Sebaliknya kadar belum bekerja menunjukkan trend yang menurun, iaitu daripada 20.5 peratus pada tahun 2015 kepada hanya 3.3 peratus bagi graduan 2019.

Bagi graduan kolej komuniti, kadar bekerja dan lain-lain adalah diantara 96.6 peratus hingga 97.8 peratus (**Rajah 1.12**)



Nota: * Termasuk melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan

Rajah 1.12 Status pekerjaan graduan kolej komuniti, 2015 – 2019

1.1 Pengenalan kepada Kajian Pengesanan Graduan KPT

Bermula tahun 2006, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menjalankan kajian atas talian yang dikenali sebagai Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG 1) yang bertujuan memahami apa yang dilakukan oleh graduan baru sejurus selepas tamat pengajian, iaitu sama ada bekerja, melanjutkan pengajian atau masih aktif mencari pekerjaan. Tumpuan kajian adalah kepada graduan peringkat diploma dan ke atas. Graduan UA, IPTS dan IPT lain menggunakan SKPG 1 untuk menyertai kajian ini. Bermula tahun 2018, kajian ini diperluaskan kepada Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) negara yang mengeluarkan graduan teknik dan vokasional bagi peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Sistem ini dikenali sebagai Sistem Kajian Pengesanan Graduan TVET (SKPG TVET) yang digunakan oleh graduan politeknik, kolej komuniti dan ILKA yang menyertai kajian.

Maklumat asas graduan iaitu maklumat diri dan latar belakang pengajian adalah dibekalkan oleh IPT yang menyertai kajian sebelum kajian dibuka kepada para graduan. Data asas yang dibekalkan oleh IPT tidak boleh diubah oleh responden kajian, melainkan dengan kebenaran pihak pengurusan masing-masing IPT.

1.2 Metodologi Kajian

IPT akan memuat naik data asas graduan yang layak bergraduat ke dalam sistem sebelum dibuka untuk graduan menjawab. Lazimnya, sistem kajian akan dibuka dua ke tiga minggu sebelum tarikh konvokesyen dan akan ditutup seminggu selepas tarikh tamat konvokesyen. Walaupun demikian, pihak IPT boleh membuat perubahan tarikh pembukaan dan penutupan sistem kajian ini mengikut kesesuaian masing-masing dengan meminta kebenaran dari pihak KPT.

Soal selidik kajian ini dipaparkan dalam laman web dan boleh dicapai melalui 'graduan.mohe.gov.my'. Pihak IPT bertanggungjawab memaklumkan kepada masing-masing graduan untuk menjadi responden kepada kajian ini. Data graduan dan data responden yang lengkap akan diserahkan kepada IPT terbabit setelah sistem ditutup untuk tujuan analisis lanjut oleh IPT.

1.3 Struktur Soal Selidik Kajian Pengesanan Graduan 2019

Terdapat tujuh bahagian dalam soal selidik kajian pengesanan graduan. Struktur soal selidik kajian adalah sama bagi kedua-dua sistem, iaitu SKPG 1 dan SKPG TVET. Namun, bagi SKPG TVET soal selidik kajian adalah lebih ringkas dan bersesuaian untuk graduan teknik dan vokasional. Tujuh bahagian tersebut adalah seperti berikut :

- i) **Bahagian A** mengandungi maklumat latar belakang asas dan akademik para graduan yang dibekalkan oleh masing-masing IPT.
- ii) **Bahagian B** merupakan soalan berkaitan status pekerjaan terkini, sama ada bekerja sepenuh masa atau bekerja separa masa, tidak bekerja atau lain-lain.
- iii) **Bahagian C** adalah soalan berkaitan maklumat pekerjaan graduan seperti taraf pekerjaan, kumpulan pekerjaan utama, sektor pekerjaan, pendapatan bulanan graduan dan sebagainya.
- iv) **Bahagian D** dhususkan kepada graduan yang belum bekerja
- v) **Bahagian E** pula adalah untuk graduan yang melanjutkan pengajian sejurus selepas tamat pengajian.
- vi) **Bahagian F** mengandungi maklumat balas graduan berkaitan kandungan kurikulum, sistem penilaian, tenaga pengajar dan kemudahan prasarana serta perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang disediakan di IPT masing-masing.
- vii) Manakala persepsi graduan mengenai keberkesanan sistem pengajian dan kesediaan diri bagi menghadapi cabaran dunia pekerjaan terkandung dalam **Bahagian G**.

1.4 Penyertaan IPT dalam Kajian Pengesanan Graduan KPT 2019

Secara keseluruhannya, sebanyak 884 IPT telah menyertai Kajian Pengesanan Graduan KPT pada tahun 2019 berbanding 702 IPT pada tahun 2018. Bagi SKPG 1, sebanyak 20 UA, 315 IPTS dan 10 buah IPT lain menyertai kajian tahun 2019. Manakala bagi SKPG TVET, sebanyak 34 politeknik, 92 kolej komuniti, 82 kolej vokasional, 256 ILKA KPLB, 33 ILKA KSM, 21 ILKBS KBS, 14 ILKAP MAFI, 6 ILKA KKR dan 1 buah ILKA MOTAC dan menyertai kajian pada tahun 2019.

Senarai IPT yang mengambil bahagian dalam kaji selidik 2019 diterakan pada **Lampiran 1**.

1.5 Susunan Buku Laporan 2019

Bagi laporan 2019 ini semua laporan adalah berbentuk infografik. Pada bahagian awal laporan ini disisipkan mengenai trend keluaran dan status pekerjaan bagi tempoh lima tahun kebelakangan ini, iaitu dari tahun 2015 hingga 2019 agar para pembaca mendapat perspektif yang lebih jelas tentang kebolehdapatan kerja para graduan sempena musim konvokesyen masing-masing.

Laporan Kajian Pengesanan Graduan ini terdiri dari tujuh bab keseluruhannya, iaitu:

- i) **Bab 1** adalah pendahuluan yang merangkumi struktur soal selidik, penyertaan IPT dalam kajian ini dan profil graduan.
- ii) **Bab 2** memaparkan corak keluaran graduan mengikut IPT, peringkat pengajian, kewarganegaraan dan jantina bagi UA, IPTS, politeknik, kolej komuniti, IPT lain dan ILKA di bawah kementerian lain.
- iii) **Bab 3** memberi fokus kepada kebolehpasaran graduan mengikut peringkat pengajian secara lebih terperinci.
- iv) **Bab 4** adalah maklumat pekerjaan seperti taraf pekerjaan, kumpulan dan sektor pekerjaan, pendapatan bulanan serta sektor ekonomi bagi graduan 2019 yang bekerja.
- v) **Bab 5** mengandungi maklumat graduan 2019 yang melanjutkan pengajian sejeurus selepas tamat pengajian dipaparkan dalam.
- vi) **Bab 6** mengandungi maklumat graduan yang belum bekerja, iaitu sebab belum bekerja, kadar belum bekerja mengikut bidang pengajian, peringkat pengajian dan sebagainya.
- vii) **Bab 7** mengandungi laporan berkaitan keluaran dan maklumat pekerjaan graduan (warganegara) bagi kumpulan berfokus, iaitu graduan yang bekerja sendiri, graduan Orang Kurang Upaya (OKU) dan graduan berketurunan Orang Asli.

1.6 Kadar Respons Kaji Selidik 2019

Pada tahun 2019, seramai 308,802 responden daripada 346,686 graduan telah menyertai kaji selidik dengan memberi kadar respons sebanyak 89.1 peratus. IPT lain mencatat kadar respons tertinggi, iaitu 98.5 peratus, diikuti ILKA MOTAC (97.5 peratus), kolej vokasional (97.4 peratus) dan UA sebanyak 96.1 peratus. Manakala ILKA KKR mencatat kadar respons terendah, iaitu hanya 0.9 peratus. Kadar respons bagi setiap IPT adalah seperti dalam **Lampiran 1**.


**GRADUAN 2019:
CORAK KELUARAN
MENGIKUT JENIS IPT,
PERINGKAT PENGAJIAN
DAN JANTINA**

BAB2

BAB 2: KELUARAN KESELURUHAN GRADUAN 2019

Rajah 2.1a

Keluaran 2019 mengikut jenis IPT




Keluaran 2019 Mengikut Jenis IPT

- Sebanyak 884 buah IPT negara telah menyertai kajian ini pada tahun 2019, dengan mengeluarkan seramai 346,686 graduan.
- UA mengeluarkan seramai 129,700 graduan, diikuti IPTS sebanyak 128,392 graduan, politeknik (29,127 graduan), ILKA KPLB mengeluarkan seramai 19,051 graduan, kolej vokasional (14,063 graduan) dan kolej komuniti seramai 11,150 graduan.
- Lain-lain IPT mengeluarkan kurang daripada 10,000 graduan, iaitu ILKA KSM (7,214 graduan), ILKBS KBS (3,445), IPT lain (2,560 graduan), ILKAP MAFI (1,085 graduan), ILKA KKR (820 graduan) dan ILKA MOTAC seramai 79 graduan.

Rajah 2.1b

Keluaran 2019 mengikut peringkat pengajian dan jantina



Keluaran 2019 Mengikut Peringkat Pengajian dan Jantina

- Peringkat ijazah pertama merupakan keluaran tertinggi bagi graduan 2019, iaitu sebanyak 40.2 peratus, diikuti peringkat diploma (40.0 peratus), peringkat sijil (10.8 peratus), peringkat sarjana (6.8 peratus), peringkat Ph.D (1.5 peratus) dan peringkat lain sebanyak 0.7 peratus.
- Hanya peringkat Ph.D dan sijil bilangan graduan lelaki melebihi graduan perempuan. Lain-lain peringkat pengajian graduan perempuan melebihi lelaki.

* Temasuk diploma lepasan ijazah, diploma lanjutan, sijil lepasan ijazah, sijil dan profesional

Rajah 2.1c: Keluaran 2019 mengikut jenis IPT dan peringkat pengajian


Jenis IPT	Jumlah graduan	Ph.D	Sarjana	Ijazah pertama	Diploma	Sijil	*Peringkat lain
		%					
UA	129,700	3.3	12.9	60.9	21.9		1.1
IPTS	128,392	0.6	5.3	47.0	45.2	1.2	0.7
Politeknik	29,127	-	-	0.6	99.0	0.4	-
Kolej komuniti	11,150	-	-	-	2.6	97.4	-
Kolej vokasional	14,063	-	-	-	100	-	-
ILKA KSM	7,214	-	-	-	31.6	67.3	1.1
ILKBS KBS	3,445	-	-	-	28.6	70.9	0.4
ILKAP MAFI	1,085	-	-	-	9.1	90.9	-
ILKA MOTAC	79	-	-	-	93.7	6.3	-
ILKA KKR	820	-	-	-	-	100	-
ILKA KPLB	19,051	-	-	-	17.9	82.1	-
IPT lain	2,560	0.04	0.2	4.0	88.0	7.8	-
Keseluruhan	346,686	1.5	6.8	40.2	40.0	10.8	0.7

Keluaran 2019 Mengikut Jenis IPT dan Peringkat Pengajian

- Bagi graduan UA 2019, 60.9 peratus adalah lulusan di peringkat ijazah pertama, diikuti 21.9 peratus graduan peringkat diploma, 12.9 peratus peringkat sarjana dan peringkat Ph.D sebanyak 3.3 peratus.
- Dua kelompok keluaran terbesar bagi IPTS adalah di peringkat ijazah pertama dan diploma, iaitu masing-masing 47.0 peratus dan 45.2 peratus.
- Kesemua keluaran kolej vokasional adalah di peringkat diploma. Majoriti keluaran politeknik juga di peringkat diploma.
- Bagi kolej komuniti dan ILKA, majoriti keluarannya adalah di peringkat sijil, kecuali ILKA MOTAC majoriti adalah keluaran peringkat diploma.

Rajah 2.1d

Keluaran 2019 mengikut bidang pengajian dan jantina



Keluaran 2019 Mengikut Bidang Pengajian dan Jantina

- Sebanyak 31.9 peratus graduan 2019 adalah dalam bidang sains sosial, perniagaan dan perundangan, diikuti bidang kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan (29.7 peratus), bidang sains, matematik dan komputer (10.3 peratus) dan bidang sastera dan kemanusiaan sebanyak 8.0 peratus.
- Hanya bidang kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan yang menunjukkan peratus graduan lelaki melebihi perempuan, iaitu sebanyak 66.9 peratus.

Rajah 2.1e: Keluaran 2019 bagi setiap jenis IPT mengikut bidang pengajian


Jenis IPT	Jumlah graduan	Pendidikan	Sastera dan kemanusiaan	Sains sosial, perniagaan dan perundangan	Sains, matematik dan komputer	Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	Pertanian dan veterinar	Kesihatan dan kebajikan	Perkhidmatan
		%							
UA	129,700	6.2	9.7	32.2	14.1	24.8	3.0	5.9	4.0
IPTS	128,392	6.4	8.3	44.4	8.5	13.6	0.3	9.0	9.5
Politeknik	29,127	-	2.9	24.3	8.9	54.7	3.2	-	6.1
Kolej komuniti	11,150	-	12.2	4.3	16.4	41.8	1.4	-	23.7
Kolej vokasional	14,063	-	4.8	18.3	4.8	59.2	2.3	1.1	9.6
ILKA KSM	7,214	21.9	1.6	-	8.8	67.7	-	-	-
ILKBS KBS	3,445	-	2.2	-	1.9	85.8	-	-	10.0
ILKAP MAFI	1,085	-	-	6.2	-	10.8	83.0	-	-
ILKA MOTAC	79	-	100	-	-	-	-	-	-
ILKA KPLB	19,051	-	3.6	-	4.1	81.4	-	0.1	10.7
ILKA KKR	820	-	-	-	-	10	-	-	-
IPT lain	2,560	-	16.7	62.3	5.0	7.7	1.3	-	6.9
Keseluruhan	346,686	5.1	8.0	31.9	10.3	29.7	1.9	5.6	7.4


Keluaran 2019 Bagi Setiap Jenis IPT Mengikut Bidang Pengajian

- Majoriti lulusan ILKA KKR, ILKA KPLB, ILKBS KBS, ILKA KSM, IPT lain, kolej vokasional, politeknik dan kolej komuniti, adalah dalam bidang Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan.
- Manakala bagi graduan UA dan IPTS majoriti keluarannya adalah dalam bidang sains sosial, perniagaan dan perundangan.

Keluaran 2019 Mengikut Kewarganegaraan, Jantina dan Jenis IPT

- Keluaran graduan antarabangsa secara keseluruhannya pada tahun 2019 ialah sebanyak 4.7 peratus.
- Graduan antarabangsa UA mewakili 4.0 peratus (5,188 orang) daripada semua keluarannya, dan majoritinya adalah graduan lelaki, iaitu 68.4 peratus.
- Bagi IPTS, seramai 10,936 graduan antarabangsa telah dikeluarkan, mewakili 8.5 peratus daripada jumlah keseluruhan keluarannya. Peratus graduan lelaki juga lebih tinggi daripada perempuan, iaitu sebanyak 65.9 peratus.
- Bagi lain-lain IPT/ILKA, semua graduan adalah warganegara.






Keluaran UA dan IPTS 2019 Mengikut Peringkat Pengajian, Kewarganegaraan dan Jantina

- Sebahagian besar, iaitu 64.6 peratus lulusan Ph.D UA adalah warganegara dan selebihnya, iaitu 35.4 peratus adalah pelajar antarabangsa. Lulusan sarjana dan ijazah pertama UA menunjukkan majoriti graduan adalah warganegara, iaitu masing-masing 89.0 peratus dan 99.4 peratus.
- Sebaliknya, sebahagian besar lulusan Ph.D IPTS terdiri dari graduan antarabangsa, iaitu sebanyak 53.8 peratus.

KELUARAN GRADUAN UA 2019

Rajah 2.2a

Keluaran UA 2019 bagi setiap universiti




Keluaran UA 2019 bagi Setiap Universiti

- UiTM kekal sebagai pengeluar terbesar graduan UA, iaitu seramai 46,471 orang, mewakili 35.8 peratus daripada jumlah keseluruhan. Ini diikuti oleh UKM seramai 7,673 graduan, USM (6,282 graduan) dan UTM seramai 6,147 graduan.

Rajah 2.2b

Keluaran UA 2019 mengikut peringkat pengajian, jantina dan kewarganegaraan




* Termasuk diploma lepasan ijazah, diploma lanjutan dan profesional

Keluaran UA 2019 Mengikut Peringkat Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan

- Sebahagian besar keluaran UA adalah graduan di peringkat ijazah pertama, iaitu sebanyak 60.9 peratus, diikuti peringkat diploma sebanyak 21.9 peratus, peringkat sarjana (12.9 peratus) dan peringkat Ph.D sebanyak 3.3 peratus
- Bilangan perempuan melebihi lelaki bagi semua peringkat pengajian kecuali bagi peringkat Ph.D, peratus graduan lelaki adalah 53.0 peratus.
- Peratus graduan antarabangsa di peringkat Ph.D dan sarjana adalah masing-masing 41.6 peratus dan 12.7 peratus.

Rajah 2.2c

Keluaran 2019 mengikut kategori UA dan peringkat pengajian




* Termasuk diploma lepasan ijazah, diploma lanjutan dan profesional

Keluaran 2019 Mengikut Kategori UA dan Peringkat Pengajian

- Universiti penyelidikan mengeluarkan sebanyak 57.6 peratus graduan peringkat ijazah pertama, diikuti 28.7 peratus graduan di peringkat sarjana dan 8.3 peratus graduan Ph.D.
- Sebahagian besar, iaitu 60.3 peratus graduan universiti komprehensif adalah di peringkat ijazah pertama, diikuti peringkat diploma (29.5 peratus), peringkat sarjana sebanyak 7.6 peratus dan peringkat Ph.D sebanyak 1.6 peratus.
- Bagi universiti teknikal, majoriti keluaran adalah di peringkat ijazah pertama, iaitu 70.9 peratus, diikuti peringkat diploma (18.2 peratus), peringkat sarjana sebanyak 8.7 peratus dan Ph.D sebanyak 2.2 peratus.

Rajah 2.2d

Keluaran UA 2019 mengikut bidang pengajian, jantina dan kewarganegaraan




Keluaran UA 2019 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan

- Keluaran tertinggi graduan UA ialah dalam bidang pengajian sains sosial, perniagaan dan perundangan, iaitu 32.2 peratus, diikuti bidang kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan (24.8 peratus), bidang sains, matematik dan komputer (14.1 peratus) dan bidang sastera dan kemanusiaan sebanyak 9.7 peratus.
- Hanya bidang kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan menunjukkan graduan lelaki melebihi perempuan.
- Peratus graduan antarabangsa adalah tertinggi dalam bidang sains, matematik dan komputer, iaitu 5.0 peratus.

Rajah 2.2e

Keluaran UA peringkat Ph.D tahun 2019 mengikut bidang pengajian, jantina dan kewarganegaraan




Keluaran UA Peringkat Ph.D Tahun 2019 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan

- Tiga bidang pengajian tertinggi bagi lulusan Ph.D UA adalah dalam bidang bidang kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan (27.3 peratus), bidang sains sosial, perniagaan dan perundangan iaitu 22.2 peratus, dan bidang sains, matematik dan komputer sebanyak 19.3 peratus.
- Graduan lelaki melebihi perempuan bagi semua bidang pengajian, kecuali bagi bidang kesihatan dan kebajikan, bidang pendidikan dan bidang perkhidmatan.
- Peratus graduan antarabangsa adalah tertinggi adalah dalam bidang sains sosial, perniagaan dan perundangan, iaitu 48.7 peratus.

Rajah 2.2f

Keluaran UA peringkat Ph.D tahun 2019 mengikut kumpulan umur dan jantina




Keluaran UA Peringkat Ph.D Tahun 2019 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina

- Tiga (3) kumpulan umur graduan Ph.D 2019 tertinggi ialah kumpulan umur 41 tahun dan ke atas, iaitu 35.1 peratus, diikuti 29.6 peratus dalam kumpulan umur 31 – 35 tahun dan 22.6 peratus dalam kumpulan umur 36 – 40 tahun. Hanya 12.7 peratus berumur 30 tahun dan ke bawah.

Rajah 2.2g

Keluaran UA peringkat sarjana tahun 2019 mengikut bidang pengajian, jantina dan kewarganegaraan

N=16,695 L=6,565 P=10,130 W=14,583




N=Jumlah graduan
L=Lelaki
P=Perempuan
W=Warganegara

Keluaran UA Peringkat Sarjana Tahun 2019 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan

- Peratus tertinggi, iaitu sebanyak 27.7 peratus lulusan sarjana UA 2019 adalah dalam bidang sains sosial, perniagaan dan perundangan merupakan kumpulan terbesar, diikuti bidang kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan (19.5 peratus) dan bidang pendidikan sebanyak 18.6 peratus.
- Graduan lelaki melebihi perempuan hanya dalam bidang perkhidmatan dan bidang kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan.
- Peratus tertinggi graduan antarabangsa adalah dalam bidang kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan sebanyak 20.1 peratus.

Rajah 2.2h

Keluaran UA peringkat Sarjana tahun 2019 mengikut kumpulan umur dan jantina




Keluaran UA Peringkat Sarjana Tahun 2019 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina

- Sebanyak 41.6 peratus graduan sarjana UA berada dalam kumpulan umur 26 – 30 tahun, 22.1 peratus dalam kumpulan umur 31 – 35 tahun dan 13.0 peratus dalam kumpulan umur 36 – 40 tahun.
- Graduan perempuan melebihi lelaki dalam semua kumpulan umur, kecuali bagi kumpulan umur 41 tahun dan ke atas, iaitu 52.8 peratus.

Rajah 2.2i

Keluaran UA peringkat ijazah pertama tahun 2019 mengikut bidang pengajian, jantina dan kewarganegaraan




Keluaran UA Peringkat Ijazah Pertama Tahun 2019 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan

- Bagi graduan ijazah pertama UA 2019, peratus tertinggi, iaitu 33.6 peratus graduan adalah dalam bidang sains sosial, perniagaan dan perundangan, diikuti bidang kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan (25.9 peratus) dan bidang sains, matematik dan komputer sebanyak 14.3 peratus.
- Graduan lelaki melebihi perempuan hanya dalam bidang kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan.
- Kesemua bidang majoritinya adalah warganegara.

Rajah 2.2j

Keluaran UA peringkat ijazah pertama tahun 2019 mengikut kumpulan umur dan jantina




Keluaran UA Peringkat Ijazah Pertama Tahun 2019 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina

- Majoriti graduan ijazah pertama 2019, iaitu 88.5 peratus, berada dalam kumpulan umur 21 - 25 tahun, 8.4 peratus dalam kumpulan umur 26 - 30 tahun, dan selebihnya dalam kumpulan umur 31 tahun ke atas.
- Graduan perempuan melebihi lelaki bagi semua kumpulan umur, kecuali bagi kumpulan umur 41 tahun dan ke atas, iaitu 56.9 peratus.

Rajah 2.2k

Pencapaian akademik graduan UA peringkat ijazah pertama, 2019




Pencapaian Akademik Graduan UA Peringkat Ijazah Pertama, 2019

- Peratus tertinggi graduan ijazah pertama UA 2019 berada dalam kohort PNGK 3.00 – 3.49, iaitu sebanyak 50.2 peratus, diikuti kohort PNGK 2.50 – 2.99 sebanyak 23.5 peratus dan 15.0 peratus dalam kohort PNGK 3.50 – 3.69.
- Peratus graduan ijazah pertama yang berada dalam kohort PNGK 3.70 – 4.00 ialah 8.0 peratus.

Rajah 2.2l

Keluaran UA peringkat diploma tahun 2019 mengikut bidang pengajian dan jantina




Keluaran UA Peringkat Diploma Tahun 2019 Mengikut Bidang Pengajian dan Jantina

- Bagi graduan diploma UA 2019, sebanyak 31.9 peratus adalah dalam bidang sains sosial, perniagaan dan perundangan, diikuti sebanyak 25.9 peratus dalam bidang kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan dan 14.5 peratus dalam bidang sains, matematik dan komputer.
- Graduan perempuan adalah 61.1 peratus daripada keseluruhan lulusan diploma 2019. Bilangan graduan perempuan melebihi lelaki dalam semua bidang pengajian kecuali bagi bidang kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan.

Rajah 2.2m

Keluaran UA peringkat diploma tahun 2019 mengikut kumpulan umur dan jantina




Keluaran UA Peringkat Diploma Tahun 2019 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina

- Majoriti graduan diploma UA 2019 berada dalam selang umur 21 – 25 tahun iaitu sebanyak 90.1 peratus, diikuti sebanyak 6.8 peratus dalam selang umur 19 – 20 tahun.
- Graduan lelaki melebihi perempuan dalam kumpulan umur 26 – 40 tahun.

Rajah 2.2n

Pencapaian akademik graduan UA peringkat diploma, 2019




Pencapaian Akademik Graduan UA Peringkat Diploma, 2019

- Sebahagian besar, iaitu sebanyak 45.6 peratus graduan diploma UA berada dalam kohort PNGK 3.00 – 3.49, diikuti 27.5 peratus dalam kohort PNGK 2.50 – 2.99.
- Peratus graduan diploma yang berada dalam kohort PNGK 3.70 – 4.00 adalah sebanyak 9.9 peratus.

KELUARAN GRADUAN IPTS 2019

Rajah 2.3a

Keluaran IPTS 2019 mengikut kategori dan peringkat pengajian



* Termasuk diploma lepasan ijazah, diploma lanjutan dan profesional


Keluaran IPTS 2019 Mengikut Kategori dan Peringkat Pengajian

- IPTS bertaraf universiti mengeluarkan 68.5 peratus graduan peringkat ijazah pertama, diikuti peringkat diploma 21.1 peratus, peringkat sarjana 8.7 peratus dan Ph.D sebanyak 1.1 peratus.
- Keluaran tertinggi bagi IPTS bertaraf kolej universiti dan kolej dll ialah peringkat diploma, iaitu masing-masing 60.3 peratus dan 78.4 peratus.
- Majoriti keluaran IPTS kampus cawangan universiti luar negara ialah peringkat ijazah pertama, iaitu 87.8 peratus.

Rajah 2.3b

Keluaran IPTS 2019 mengikut peringkat pengajian dan jantina

N=128,392
L=58,125
P=70,627
W=117,456



N = Jumlah graduan
L = Lelaki
P = Perempuan
W = Warganegara

* Termasuk diploma lepasan ijazah, diploma lanjutan dan profesional

Keluaran IPTS 2019 Mengikut Peringkat Pengajian dan Jantina

- Peringkat ijazah pertama dan peringkat diploma merupakan kelompok terbesar keluaran graduan IPTS, iaitu masing-masing 47.0 peratus dan 45.2 peratus.
- Graduan perempuan melebihi lelaki bagi semua peringkat pengajian melainkan bagi peringkat Ph.D dan sarjana.
- Peratus tertinggi graduan antarabangsa berada di peringkat Ph.D, iaitu 57.2 peratus.

Rajah 2.3c

Keluaran IPTS 2019 mengikut bidang pengajian, jantina dan kewarganegaraan

N=128,392 | L=58,125 | P=70,627 | W=117,456




Keluaran IPTS 2019 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan

- Bagi graduan IPTS 2019, sebahagian besar iaitu 44.4 peratus adalah dalam bidang sains sosial, perniagaan dan perundangan, diikuti bidang kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan (13.6 peratus) dan perkhidmatan sebanyak 9.5 peratus.
- Graduan lelaki melebihi perempuan tertinggi dalam bidang kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan, iaitu 72.3 peratus.

Rajah 2.3d

Keluaran IPTS peringkat Ph.D tahun 2019 mengikut bidang pengajian, jantina dan kewarganegaraan

N=824 | L=540 | P=284 | W=353




Keluaran IPTS Peringkat Ph.D Tahun 2019 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan

- IPTS mengeluarkan seramai 824 orang graduan Ph.D pada tahun 2019.
- Dua kelompok terbesar adalah dalam bidang sains sosial, perniagaan dan perundangan sebanyak 31.8 peratus dan bidang kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan (25.1 peratus).
- Graduan lelaki melebihi perempuan dalam kesemua bidang, kecuali dalam bidang kesihatan dan kebajikan serta bidang perkhidmatan.

Rajah 2.3e

Keluaran IPTS peringkat Ph.D tahun 2019 mengikut kumpulan umur dan jantina




Keluaran IPTS Peringkat Ph.D Tahun 2019 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina

- Sebanyak 39.2 peratus graduan Ph.D berada dalam kumpulan umur 41 tahun dan ke atas, diikuti 25.8 peratus dalam kumpulan umur 31 – 35 tahun, 20.4 peratus dalam kumpulan umur 36 – 40 tahun dan 14.1 peratus berada dalam kumpulan umur 26 – 30 tahun.

Rajah 2.3f

Keluaran IPTS peringkat sarjana tahun 2019 mengikut bidang pengajian, jantina dan kewarganegaraan




Keluaran IPTS Peringkat Sarjana Tahun 2019 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan

- Bagi graduan sarjana IPTS 2019, majoritinya berada dalam bidang sains sosial, perniagaan dan perundangan, iaitu 66.0 peratus, diikuti bidang sastera dan kemanusiaan (8.6 peratus), bidang pendidikan (8.5 peratus) dan bidang kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan (6.9 peratus).
- Graduan lelaki melebihi graduan perempuan dalam hampir kesemua bidang, kecuali bagi bidang pendidikan serta kesihatan dan kebajikan graduan perempuan melebihi lelaki.
- Graduan antarabangsa melebihi warganegara dalam sastera dan kemanusiaan (63.7 peratus) dan bidang sains, matematik dan komputer sebanyak 54.3 peratus.

Rajah 2.3g

Keluaran IPTS peringkat sarjana tahun 2019 mengikut kumpulan umur dan jantina




Keluaran IPTS Peringkat Sarjana Tahun 2019 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina

- Sebanyak 33.2 peratus graduan sarjana IPTS 2019 berada dalam selang umur 26 – 30 tahun, diikuti 19.1 peratus dalam kumpulan umur 31 – 35 tahun, 17.3 peratus dalam kumpulan umur 41 tahun dan ke atas, 16.4 peratus dalam kumpulan umur 21 – 25 tahun, 14.0 peratus dalam kumpulan umur 36 – 40 tahun.
- Graduan lelaki melebihi graduan perempuan bagi semua peringkat umur.

Rajah 2.3h

Keluaran IPTS peringkat ijazah pertama tahun 2019 mengikut bidang pengajian, jantina dan kewarganegaraan

N=60,309 | L=28,368 | P=31,941 | W=54,047




N=Jumlah graduan
 L=Lelaki
 P=Perempuan
 W=Warganegara

Keluaran IPTS Peringkat Ijazah Pertama Tahun 2019 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan

- Sebanyak 60,309 graduan peringkat ijazah pertama telah dikeluarkan IPTS pada tahun 2019, dengan graduan perempuan mewakili 53.0 peratus daripada jumlah keseluruhan.
- Sebahagian besar graduan ijazah pertama IPTS 2019 adalah dalam bidang sains sosial, perniagaan dan perundangan iaitu 47.3 peratus. Ini diikuti oleh bidang kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan (19.5 peratus), bidang sains, matematik dan komputer (10.4 peratus), dan bidang kesihatan dan kebajikan sebanyak 8.6 peratus.

Rajah 2.3i

Keluaran IPTS peringkat ijazah pertama tahun 2019 mengikut kumpulan umur dan jantina



Keluaran IPTS Peringkat Ijazah Pertama Tahun 2019 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina

- Majoriti, iaitu 83.4 peratus graduan ijazah pertama IPTS berada dalam kumpulan umur 21 – 25 tahun, 11.3 peratus dalam selang umur 26 – 30 tahun dan selebihnya, iaitu 4.9 peratus dalam kumpulan umur 31 tahun dan ke atas serta 0.4 peratus dalam kumpulan umur 19 – 20 tahun.

Rajah 2.3j

Pencapaian akademik graduan IPTS peringkat ijazah pertama, 2019




Nota : Graduan perubatan, farmasi, pergigian dan IPTS yang tidak menggunakan sistem PNGK

Pencapaian Akademik Graduan IPTS Peringkat Ijazah Pertama, 2019

- Dua kumpulan terbesar graduan ijazah pertama IPTS 2019 berada dalam kohort PNGK 3.00 – 3.49 dan kohort PNGK 2.50 – 2.99, iaitu masing-masing 33.5 peratus dan 25.6 peratus.
- Sebanyak 7.7 peratus memperoleh PNGK antara 3.70 – 4.00.

Rajah 2.3k

Keluaran IPTS 2019 peringkat diploma mengikut bidang pengajian, jantina dan kewarganegaraan




Keluaran IPTS 2019 Peringkat Diploma Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan

- IPTS telah mengeluarkan seramai 58,092 graduan diploma pada tahun 2019. Peratus graduan perempuan adalah 57.6 peratus.
- Peratus tertinggi, iaitu 39.3 peratus adalah dalam bidang sains sosial, perniagaan dan perundangan, diikuti 16.6 peratus dalam bidang perkhidmatan dan 9.9 peratus bidang sastera dan kemanusiaan.
- Peratus tertinggi graduan lelaki berada dalam bidang kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan, iaitu 80.0 peratus. Manakala bagi bidang pendidikan iaitu 90.2 peratus adalah perempuan.

Rajah 2.3i

Keluaran IPTS peringkat diploma tahun 2019 mengikut kumpulan umur dan jantina



Keluaran IPTS Peringkat Diploma Tahun 2019 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina

- Dua (2) kelompok utama graduan diploma IPTS 2019 berada dalam kumpulan umur 21 – 25 tahun, iaitu 66.1 peratus dan 30.1 peratus dalam kumpulan umur 19 – 20 berumur tahun. Selebihnya berumur 26 tahun dan ke atas, iaitu sebanyak 3.6 peratus.
- Graduan perempuan melebihi lelaki bagi semua kumpulan umur melainkan bagi kumpulan umur 26 – 30 tahun dan 18 tahun dan ke bawah, graduan lelaki melebihi perempuan.

Rajah 2.3m

Pencapaian akademik graduan IPTS peringkat diploma, 2019



* Graduan farmasi dan IPTS yang tidak menggunakan sistem PNGK

Pencapaian Akademik Graduan IPTS Peringkat Diploma, 2019

- Peratus tertinggi graduan diploma IPTS 2019 berada dalam kohort PNGK 3.00 – 3.49 (37.7 peratus), diikuti kohort PNGK 2.50 – 2.99 (29.8 peratus).
- Peratus graduan diploma yang berada dalam kohort PNGK 3.70 – 4.00 adalah 10.0 peratus.

KELUARAN GRADUAN POLITEKNIK, KOLEJ KOMUNITI DAN KOLEJ VOKASIONAL 2019

Rajah 2.4a

Keluaran 2019 bagi politeknik, kolej komuniti dan kolej vokasional mengikut peringkat pengajian



Keluaran 2019 bagi Politeknik, Kolej Komuniti dan Kolej Vokasional Mengikut Peringkat Pengajian

- Politeknik mengeluarkan seramai 29,127 graduan pada tahun 2019. Hampir semua keluarannya adalah graduan peringkat diploma, iaitu 99.0 peratus.
- Kolej komuniti pula mengeluarkan seramai 11,150 graduan dan majoritinya adalah graduan peringkat sijil, iaitu 97.4 peratus.
- Bagi kolej vokasional semua keluaran adalah di peringkat diploma, iaitu seramai 14,063 graduan.

Rajah 2.4b

Keluaran 2019 bagi politeknik, kolej komuniti dan kolej vokasional mengikut bidang pengajian






Keluaran 2019 bagi Politeknik, Kolej Komuniti dan Kolej Vokasional Mengikut Bidang Pengajian

- Keluaran tertinggi ketiga-tiga IPT adalah dalam bidang kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan, iaitu masing-masing kolej vokasional (59.2 peratus), politeknik (54.7 peratus) dan kolej komuniti sebanyak 41.8 peratus.
- Bagi politeknik dan kolej vokasional, peratus kedua tertinggi adalah keluaran dalam bidang sains sosial, perniagaan dan perundangan, iaitu masing-masing sebanyak 24.3 peratus dan 18.3 peratus.

Rajah 2.4c

Pencapaian akademik graduan politeknik, kolej komuniti dan kolej vokasional, 2019

	 Politeknik N=29,127	 Kolej komuniti N=11,150	 Kolej vokasional N=14,063
2.00-2.49	12.4	0.9	0.2
2.50-2.99	39.5	6.2	3.4
3.00-3.49	37.0	28.9	42.4
3.50-3.69	7.7	27.1	44.7
3.70-4.00	3.4	36.9	9.3


Pencapaian Akademik Graduan Politeknik, Kolej Komuniti dan Kolej Vokasional 2019

- Dua kelompok tertinggi graduan politeknik berada dalam selang PNGK 2.50 – 2.99 dan selang PNGK 3.00 – 3.49, iaitu masing-masing 39.5 peratus dan 37.0 peratus
- Bagi kolej komuniti, tiga kelompok terbesar graduan berada dalam selang PNGK 3.70 – 4.00, iaitu sebanyak 36.9 peratus, diikuti 28.9 peratus dalam selang PNGK 3.00 – 3.49 dan sebanyak 27.1 peratus dalam selang 3.50 – 3.69.
- Dua kelompok tertinggi graduan kolej vokasional berada dalam selang PNGK 3.50 – 3.69 (44.7 peratus) dan selang PNGK 3.00 – 3.49 sebanyak 42.4 peratus

KELUARAN GRADUAN INSTITUSI DI BAWAH LAIN-LAIN KEMENTERIAN 2019

Rajah 2.5a

Keluaran 2019 bagi institusi di bawah lain-lain kementerian



Keluaran 2019 Bagi Institusi Di Bawah Lain-Lain Kementerian

- Kesemua keluaran graduan ILKA KKR ialah peringkat sijil.
- Majoriti keluaran ILKA lain juga ialah di peringkat sijil, peratus tertinggi ialah ILKAP MAFI sebanyak 90.9 peratus, diikuti keluaran sijil ILKA KPLB (82.1 peratus), ILKBS KBS (70.9 peratus) dan ILKA KSM sebanyak 67.3 peratus.
- Keluaran tertinggi ILKA MOTAC ialah peringkat diploma, iaitu sebanyak 93.7 peratus, diikuti keluaran diploma ILKA KSM sebanyak 31.6 peratus, ILKBS KBS (28.6 peratus) dan ILKA KPLB sebanyak 17.9 peratus.
- Bagi IPT lain, peratus tertinggi ialah keluaran diploma, iaitu sebanyak 88.0 peratus, diikuti peringkat sijil sebanyak 7.8 peratus, peringkat ijazah pertama (4.0 peratus), peringkat sarjana (0.2 peratus) dan peringkat Ph.D sebanyak 0.04 peratus.

Rajah 2.5b: Keluaran 2019 bagi institusi di bawah lain-lain kementerian mengikut bidang pengajian

Jenis IPT	Jumlah graduan	Pendidikan	Sastera dan kemanusiaan	Sains sosial, perniagaan dan perundangan	Sains, matematik dan komputer	Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	Pertanian dan veterinar	Kesihatan dan kebajikan	Perkhidmatan
		%							
ILKA KSM	7,214	21.9	1.6	-	8.8	67.7	-	-	-
ILKBS KBS	3,445	-	2.2	-	1.9	85.8	-	-	10.0
ILKAP MAFI	1,085	-	-	6.2	-	10.8	83.0	-	-
ILKA MOTAC	79	-	100	-	-	-	-	-	-
ILKA KPLB	19,051	-	3.6	-	4.1	81.4	-	0.1	10.7
ILKA KKR	820	-	-	-	-	10.0	-	-	-
IPT lain	2,560	-	16.7	62.3	5.0	7.7	1.3	-	6.9
Keseluruhan	34,254	4.6	4.1	4.9	4.7	71.5	2.7	0.1	7.5

Keluaran 2019 Bagi Institusi Di Bawah Lain-Lain Kementerian Mengikut Bidang Pengajian

- Kesemua keluaran graduan ILKA MOTAC adalah dalam bidang sastera dan kemanusiaan. Manakala bagi ILKA KKR, kesemua keluaran adalah bidang kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan. Bagi ILKBS KBS, ILKA KPLB dan ILKA KSM, majoriti keluaran juga adalah bidang kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan.
- Majoriti keluaran ILKAP MAFI adalah dalam bidang pertanian dan veterinar.
- Hanya ILKA KSM yang mengeluarkan graduan dalam bidang pendidikan, iaitu sebanyak 21.9 peratus.

Rajah 2.5c: Pencapaian akademik graduan bagi institusi di bawah lain-lain kementerian 2019

Jenis IPT	Jumlah graduan	Lulus	2.00-2.49	2.50-2.99	3.00-3.49	3.50-3.69	3.70-4.00
		%					
ILKA KSM	7,214	36.9	0.7	9.1	43.3	9.1	0.9
ILKBS KBS	3,445	93.4	0.2	2.3	3.2	0.7	0.1
ILKAP MAFI	1,085	60.2	0.3	0.8	26.7	10.8	1.2
ILKA MOTAC	79	-	-	24.1	70.9	5.1	-
ILKA KPLB	19,051	0.8	6.3	31.1	46.6	9.9	5.2
ILKA KKR	820	100	-	-	-	-	-
IPT lain	2,560	4.9	2.6	23.5	40.7	15.0	13.3

*Nota : Merujuk kepada program di IPT/ILKA yang tidak menggunakan sistem PNGK

Pencapaian Akademik Graduan bagi Institusi di Bawah Lain-Lain Kementerian 2019

- Kesemua graduan lulusan ILKA KKR berada dalam kategori lulus, diikuti sebanyak 93.4 peratus graduan lulusan ILKBS KBS dan lulusan ILKAP MAFI sebanyak 60.2 peratus turut berada dalam kategori lulus.
- Bagi graduan ILKA KSM peratus tertinggi graduan berada dalam selang PNGK 3.00 – 3.49, iaitu 43.3 peratus, diikuti kategori lulus sebanyak 36.9 peratus.
- Bagi ILKA KPLB dan IPT lain, peratus tertinggi graduan berada dalam selang PNGK 3.00 – 3.49, iaitu masing-masing 46.6 peratus dan 40.7 peratus.

STATUS PEKERJAAN GRADUAN (WARGANEGARA) 2019


BAB 3

- ▶ **Status Pekerjaan Keseluruhan Graduan**
- ▶ **Kadar Kebolehpasaran Graduan**
- ▶ **Status Pekerjaan Graduan Ph.D**
- ▶ **Status Pekerjaan Graduan Sarjana**
- ▶ **Status Pekerjaan Graduan Ijazah Pertama**
- ▶ **Status Pekerjaan Graduan Diploma**
- ▶ **Status Pekerjaan Graduan Sijil**

BAB 3: STATUS PEKERJAAN GRADUAN (WARGANEGARA) 2019

Rajah 3.1a

Status pekerjaan keseluruhan graduan 2019



Status Pekerjaan Keseluruhan Graduan 2019

- Bagi tahun 2019, sebanyak 63.5 peratus responden yang menyertai kajian menyatakan mereka telah bekerja dan 13.8 peratus pula belum bekerja sempena dengan musim konvokesyen masing-masing. Selebihnya, iaitu 16.7 peratus sedang melanjutkan pengajian, menunggu penempatan pekerjaan (4.7 peratus) dan sebanyak 1.3 peratus lagi sedang meningkatkan kemahiran.

Rajah 3.1b: Status pekerjaan keseluruhan graduan 2019 mengikut jenis IPT

Jenis IPT	Jumlah responden	Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
		%				
UA	121,422	62.8	17.7	1.9	5.3	12.2
IPTS	99,865	57.5	15.5	1.2	4.8	21.0
Politeknik	26,236	81.2	14.0	0.3	1.2	3.3
Kolej komuniti	10,427	74.4	22.7	0.1	0.6	2.2
Kolej vokasional	13,702	76.8	6.3	1.1	13.2	2.6
ILKA KSM	6,495	67.4	16.6	0.5	1.8	13.7
ILKBS KBS	2,900	68.2	19.0	0.7	1.4	10.8
ILKAP MAFI	966	46.0	17.6	0.2	3.6	32.6
ILKA MOTAC	77	57.1	7.8	-	-	35.1
ILKA KKR	7	71.4	28.6	-	-	-
ILKA KPLB	13,933	60.2	22.9	1.1	1.8	14.0
IPT lain	2,521	41.4	40.0	0.8	1.5	16.4
Keseluruhan	298,551	63.5	16.7	1.3	4.7	13.8

Status Pekerjaan Keseluruhan Graduan 2019 Mengikut Jenis IPT

- Graduan politeknik mencatatkan kadar bekerja tertinggi, iaitu 81.2 peratus, diikuti oleh graduan kolej vokasional (76.8 peratus) dan kolej komuniti sebanyak 74.4 peratus.
- Bagi kategori belum bekerja graduan ILKA MOTAC mencatat kadar tertinggi (35.1 peratus), diikuti oleh graduan ILKAP MAFI (32.6 peratus) dan graduan IPTS sebanyak 21.0 peratus.
- Manakala bagi kategori melanjutkan pengajian, graduan IPT lain mencatat peratus tertinggi, iaitu 40.0 peratus.

Rajah 3.2a

Kadar kebolehpasaran graduan (bekerja diI) 2019 mengikut jenis IPT




Nota : Tidak termasuk graduan ILKA KKR

Kadar Kebolehpasaran Graduan (Bekerja DiI) 2019 mengikut Jenis IPT

- Tiga IPT mencatat peratus kebolehpasaran graduan melebihi 95 peratus, iaitu kolej komuniti (97.8 peratus), kolej vokasional (97.4 peratus) dan politeknik sebanyak 96.7 peratus.
- Dua IPT mencatat peratus kadar kebolehpasaran graduan di bawah 70.0 peratus, iaitu ILKAP MAFI dan ILKA MOTAC, masing-masing 67.4 peratus dan 64.9 peratus.

Rajah 3.2b

Kadar kebolehpasaran graduan Ph.D, sarjana dan ijazah pertama 2019 mengikut jenis IPT




Kadar Kebolehpasaran Graduan Ph.D, Sarjana dan Ijazah Pertama 2019 Mengikut Jenis IPT

- Bagi UA, kadar kebolehpasaran ketiga-tiga peringkat ini melebihi 80.0 peratus, dengan lulusan sarjana mencatat peratus tertinggi, iaitu 89.6 peratus, diikuti lulusan Ph.D (88.2 peratus) dan lulusan ijazah pertama sebanyak 86.7 peratus.
- Lulusan sarjana IPTS mencatat sebanyak 90.5 peratus kadar kebolehpasaran, lulusan Ph.D (86.4 peratus) dan ijazah pertama sebanyak 79.0 peratus.
- Bagi IPT lain, kadar kebolehpasaran lulusan Ph.D ialah 100 peratus.
- Kadar kebolehpasaran bagi lulusan ijazah pertama politeknik adalah 96.2 peratus.

Rajah 3.2c

Kadar kebolehpasaran graduan diploma dan sijil 2019 mengikut jenis IPT



Nota : Tidak termasuk graduan ILKA KKR

Kadar Kebolehpasaran Graduan Diploma dan Sijil 2019 Mengikut Jenis IPT

- Bagi lulusan diploma, sebanyak empat IPT mencatat kadar kebolehpasaran melebihi 90.0 peratus, iaitu lulusan kolej komuniti, iaitu 98.5 peratus, diikuti diploma kolej vokasional (97.4 peratus), diploma politeknik (96.7 peratus) dan ILKA KPLB sebanyak 91.0 peratus.
- Kadar tertinggi kebolehpasaran lulusan sijil dicatat oleh graduan kolej komuniti (97.8 peratus), diikuti sijil politeknik (91.2 peratus) dan sijil IPTS sebanyak 90.6 peratus.

Rajah 3.2d

Kadar kebolehpasaran graduan 2019 mengikut setiap UA



Kadar Kebolehpasaran Graduan 2019 mengikut Setiap UA

- Sebanyak 14 UA mencatat kadar kebolehpasaran graduan melebihi 90 peratus. UMP dan UPNM mendahului peratus tertinggi kadar kebolehpasaran graduan, iaitu masing-masing sebanyak 96.5 peratus, diikuti UTHM (95.4 peratus), UniSZA (94.0 peratus) dan UTeM sebanyak 93.7 peratus.
- Manakala, enam UA lagi yang mencatat kadar kebolehpasaran graduan antara 83 hingga 87 peratus dengan UPSI mencatat peratus terendah, iaitu sebanyak 83.3 peratus.

Rajah 3.2e

Kadar kebolehpasaran graduan 2019 mengikut IPTS bertaraf universiti (20 tertinggi)



Kadar kebolehpasaran Graduan 2019 Mengikut IPTS Bertaraf Universiti (20 Tertinggi)

- Empat IPTS mencatat kadar kebolehpasaran graduan 100 peratus, iaitu Asia Pacific University of Technology & Innovation (APU), UCSI University (UCSI U), UniKL-Institute of Product Design and Manufacturing (UniKL-IPROM) dan Malaysia Institute For Supply Chain Innovation (MISI).

Rajah 3.2f

Kadar kebolehpasaran graduan 2019 mengikut bidang pengajian




Kadar kebolehpasaran Graduan 2019 Mengikut Bidang Pengajian

- Kesemua bidang pengajian mencatat kadar kebolehpasaran graduan melebihi 80.0 peratus, kecuali bidang pendidikan, kadar kebolehpasaran adalah 79.2 peratus.
- Peratus tertinggi kadar kebolehpasaran graduan ialah bidang kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan, iaitu sebanyak 90.1 peratus, diikuti bidang sains komputer dan matematik (87.2 peratus), bidang kesihatan dan kebajikan (86.1 peratus) dan bidang perkhidmatan sebanyak 85.0 peratus.

Rajah 3.2g

Kadar kebolehpasaran graduan 2019 mengikut negeri bermastautin




Kadar kebolehpasaran Graduan 2019 Mengikut Negeri Bermastautin

- Putrajaya menunjukkan kadar kebolehpasaran graduan tertinggi, iaitu sebanyak 90.8 peratus, diikuti Pulau Pinang (88.6 peratus), Selangor (88.2 peratus), Labuan (88.1 peratus) dan Johor sebanyak 87.8 peratus.
- Manakala tiga negeri yang mencatat peratus kadar kebolehpasaran yang agak rendah ialah Sabah (82.0 peratus), Kelantan (82.1 peratus) dan Sarawak sebanyak 83.2 peratus.

Rajah 3.3a

Status pekerjaan graduan Ph.D 2019



Status Pekerjaan Graduan Ph.D 2019

- Majoriti graduan Ph.D 2019, iaitu 82.3 peratus berada dalam kategori bekerja, 12.0 peratus menyatakan belum bekerja dan 3.4 peratus sedang menunggu penempatan pekerjaan.
- Terdapat 1.5 peratus graduan Ph.D yang melanjutkan pengajian dan sebanyak 0.9 peratus meningkatkan kemahiran.

Rajah 3.3b: Status pekerjaan graduan Ph.D 2019 bagi UA dan IPTS

Status pekerjaan	UA (n=2,414)	IPTS (n=316)	IPT lain (n=1)
	%		
Bekerja	82.3	82.0	100
Melanjutkan pengajian	1.4	2.2	-
Meningkatkan kemahiran	1.0	0.6	-
Menunggu penempatan pekerjaan	3.6	1.6	-
Belum bekerja	11.8	13.6	-
Jumlah	100	100	100

Status Pekerjaan Graduan Ph.D 2019 bagi UA dan IPTS

- Hanya seorang graduan Ph.D yang dikeluarkan oleh IPT lain dan sudah bekerja.
- Kadar graduan Ph.D UA dan IPTS yang berada dalam kategori bekerja adalah masing-masing 82.3 peratus dan 82.0 peratus.
- Terdapat sebanyak 11.8 peratus graduan UA dan 13.6 peratus graduan IPTS peringkat Ph.D menyatakan mereka belum bekerja sempena musim konvokesyen masing-masing.

Rajah 3.4a

Status pekerjaan graduan sarjana 2019

n=17,232



Status Pekerjaan Graduan Sarjana 2019

- Bagi graduan sarjana 2019, majoritinya telah bekerja, iaitu 82.6 peratus. Sebanyak 10.2 peratus belum bekerja, 4.3 peratus melanjutkan pengajian, 2.2 peratus menunggu penempatan pekerjaan dan 0.7 peratus lagi sedang meningkatkan kemahiran.

Rajah 3.4b: Status pekerjaan graduan sarjana 2019 mengikut jenis IPT


Status pekerjaan	UA (n=14,118)	IPTS (n=3,109)	IPT lain (n=5)
	%		
Bekerja	81.7	86.3	80.0
Melanjutkan pengajian	4.7	2.5	-
Meningkatkan kemahiran	0.8	0.2	-
Menunggu penempatan pekerjaan	2.4	1.5	-
Belum bekerja	10.4	9.5	20.0
Jumlah	100	100	100

Status Pekerjaan Graduan Sarjana 2019 Mengikut Jenis IPT

- Peratus graduan sarjana yang bekerja adalah sekitar 80 peratus, dengan graduan sarjana IPTS mencatat 86.3 peratus, diikuti UA sebanyak 81.7 peratus dan IPT lain sebanyak 80.0 peratus.
- Kadar belum bekerja bagi lulusan sarjana UA ialah 10.4 peratus, IPTS (9.5 peratus) dan graduan IPT lain sebanyak 20.0 peratus.

Rajah 3.5a

Status pekerjaan graduan ijazah pertama 2019



Status Pekerjaan Graduan Ijazah Pertama 2019

- Sebanyak 69.2 peratus graduan ijazah pertama 2019 menyatakan mereka telah bekerja, 16.3 peratus belum bekerja, 7.4 peratus sedang menunggu penempatan pekerjaan, 5.0 melanjutkan pengajian dan 2.2 peratus lagi sedang meningkatkan kemahiran.

Rajah 3.5b: Status pekerjaan graduan ijazah pertama 2019 mengikut jenis IPT


Status pekerjaan	UA (n=76,122)	IPTS (n=48,537)	Politeknik (n=157)	IPT lain (n=103)
	%			
Bekerja	71.7	65.0	94.3	70.9
Melanjutkan pengajian	4.8	5.1	0.6	2.9
Meningkatkan kemahiran	2.6	1.6	-	1.9
Menunggu penempatan pekerjaan	7.5	7.2	1.3	1.9
Belum bekerja	13.3	21.0	3.8	22.3
Jumlah	100	100	100	100

Status Pekerjaan Graduan Ijazah Pertama 2019 Mengikut Jenis IPT

- Status pekerjaan bagi graduan ijazah pertama 2019 menunjukkan kadar bekerja bagi graduan politeknik adalah 94.3 peratus, UA (71.7 peratus), IPT lain (70.9 peratus) dan IPTS sebanyak 65.0 peratus.
- Kadar belum bekerja bagi graduan IPT lain ialah 22.3 peratus, IPTS sebanyak 21.0 peratus, UA (13.3 peratus) dan politeknik hanya 3.8 peratus.

Rajah 3.6a

Status pekerjaan graduan diploma 2019



Status Pekerjaan Graduan Diploma 2019

- Secara keseluruhan, sebanyak 54.4 peratus graduan diploma 2019 berada dalam kategori bekerja dan 29.2 peratus sedang melanjutkan pengajian.
- Selebihnya, iaitu 12.5 peratus menyatakan belum bekerja, sebanyak 3.1 peratus menunggu penempatan pekerjaan dan sebanyak 0.8 peratus sedang meningkatkan kemahiran.

Rajah 3.6b: Status pekerjaan graduan diploma 2019 mengikut jenis IPT


Jenis IPT	Jumlah responden	Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
		%				
UA	27,387	26.4	61.9	0.7	0.9	10.1
IPTS	46,441	47.6	26.6	1.0	2.6	22.2
Politeknik	26,011	81.1	14.1	0.3	1.2	3.3
Kolej komuniti	271	94.1	4.1	0.4	-	1.5
Kolej vokasional	13,702	76.8	6.3	1.1	13.2	2.6
ILKA KSM	2,138	78.2	8.0	0.7	1.4	11.8
ILKBS KBS	914	70.1	16.8	1.0	1.1	10.9
ILKAP MAFI	93	66.7	6.5	-	1.1	25.8
ILKA MOTAC	72	59.7	5.6	-	-	34.7
ILKA KPLB	3,371	67.5	19.3	1.9	2.3	9.0
IPT lain	2,218	37.9	43.6	0.6	1.6	16.3
Keseluruhan	122,618	54.4	29.2	0.8	3.1	12.5

Status Pekerjaan Graduan Diploma 2019 Mengikut Jenis IPT

- Graduan kolej komuniti mencatat peratus tertinggi dalam kategori bekerja, iaitu 94.1 peratus, diikuti oleh graduan politeknik (81.1 peratus) dan ILKA KSM sebanyak 78.2 peratus.
- Dalam kategori melanjutkan pengajian, kadar graduan UA adalah tertinggi, iaitu 61.9 peratus, diikuti oleh graduan IPT lain, IPTS dan ILKA KPLB.
- Peratus graduan diploma yang belum bekerja adalah terendah bagi kolej komuniti, iaitu hanya 1.5 peratus, diikuti oleh graduan kolej vokasional (2.6 peratus) dan politeknik sebanyak 3.3 peratus.

Rajah 3.7a

Status pekerjaan graduan sijil 2019



Status Pekerjaan Graduan Sijil 2019

- Bagi graduan peringkat sijil 2019, sebanyak 63.9 peratus graduan telah bekerja semasa menghadiri konvokesyen dan sebanyak 23.5 peratus sedang melanjutkan pengajian.
- Selebihnya, iaitu 10.8 peratus belum bekerja, sebanyak 1.4 peratus menunggu penempatan pekerjaan dan meningkatkan kemahiran sebanyak 0.5 peratus.

Rajah 3.7b: Status pekerjaan graduan sijil 2019 mengikut jenis IPT

Jenis IPT	Jumlah responden	Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
		%				
IPTS	974	43.4	45.6	0.4	1.1	9.4
Politeknik	68	89.7	1.5	-	-	8.8
Kolej komuniti	10,156	73.9	23.2	0.1	0.6	2.2
ILKA KSM	4,284	61.6	21.2	0.4	2.0	14.8
ILKBS KBS	1,972	67.3	19.8	0.6	1.6	10.8
ILKAP MAFI	873	43.8	18.8	0.2	3.9	33.3
ILKA MOTAC	5	20.0	40.0	-	-	40.0
ILKA KPLB	10,562	57.8	24.1	0.9	1.7	15.6
ILKA KKR	7	71.4	28.6	-	-	-
IPT lain	194	64.4	19.1	1.5	0.5	14.4
Keseluruhan	29,095	63.9	23.5	0.5	1.4	10.8

Status Pekerjaan Graduan Sijil 2019 Mengikut Jenis IPT

- Status pekerjaan mengikut jenis IPT menunjukkan graduan sijil politeknik mencatat peratus tertinggi dalam kategori bekerja, iaitu 89.7 peratus, diikuti kolej komuniti (73.9 peratus), ILKA KKR (71.4 peratus) dan 67.3 peratus bagi graduan ILKA KPLB.
- Kadar graduan sijil IPTS yang melanjutkan pengajian adalah sebanyak 45.6 peratus, iaitu peratus tertinggi berbanding dengan graduan sijil yang lain.
- Graduan sijil ILKA MOTAC mencatat peratus belum bekerja tertinggi, iaitu 40.0 peratus.

MAKLUMAT PEKERJAAN GRADUAN (WARGANEGARA) 2019

- ▶ Taraf Pekerjaan
- ▶ Taraf Jawatan
- ▶ Kumpulan Pekerjaan Utama
- ▶ Sektor Pekerjaan
- ▶ Pendapatan Bulanan

BAB 4

BAB 4: MAKLUMAT PEKERJAAN GRADUAN 2019

Rajah 4.1a: Taraf pekerjaan keseluruhan graduan mengikut jenis IPT 2019

Jenis IPT	Jumlah responden	Pekerja swasta (termasuk NGO)	Pekerja kerajaan	Bekerja dengan keluarga	Bekerja sendiri	Majikan	Freelance
		%					
UA	76,274	64.9	18.8	5.0	5.2	3.6	2.5
IPTS	57,405	74.0	6.9	4.2	4.9	7.3	2.7
Politeknik	21,305	77.6	4.8	5.8	8.0	2.3	1.4
Kolej komuniti	7,761	74.4	2.2	6.7	12.6	2.7	1.3
Kolej vokasional	10,521	76.2	1.9	6.3	7.7	4.5	3.4
ILKA KSM	4,379	84.8	3.6	3.3	5.0	2.3	1.1
ILKBS KBS	1,977	79.6	2.5	3.5	9.3	4.4	0.7
ILKAP MAFI	444	58.8	9.0	13.8	13.1	4.5	0.9
ILKA MOTAC	44	65.9	-	9.1	13.6	9.1	2.3
ILKA KKR	5	100	-	-	-	-	-
ILKA KPLB	8,385	62.2	2.3	7.5	17.7	7.5	2.8
IPT lain	1,043	67.1	5.1	6.9	8.6	7.1	5.3
Keseluruhan	189,543	70.6	10.7	5.1	6.5	4.8	2.4

Taraf Pekerjaan Keseluruhan Graduan Mengikut Jenis IPT 2019

- Secara keseluruhannya, sebahagian besar graduan 2019 bekerja sebagai pekerja swasta (termasuk NGO), iaitu sebanyak 70.6 peratus. Graduan ILKA KKR mencatat peratus tertinggi bekerja dalam sektor swasta, iaitu 100 peratus, diikuti ILKA KSM (84.8 peratus), ILKBS KBS (79.6 peratus) dan politeknik sebanyak 77.6 peratus.
- Graduan UA menunjukkan peratus yang tinggi sebagai pekerja kerajaan, iaitu sebanyak 18.8 peratus, diikuti 9.0 peratus graduan ILKA MAFI, IPTS (6.9 peratus) dan IPT lain sebanyak 5.1 peratus.
- Peratus tertinggi graduan yang menjadi usahawan (bekerja sendiri, majikan atau *freelance*) adalah ILKA KPLB iaitu sebanyak 28.0 peratus, ini diikuti oleh graduan ILKA MOTAC sebanyak 25.0 peratus. IPT lain (21.0 peratus) dan ILKAP MAFI sebanyak 18.5 peratus.

Rajah 4.1b: Taraf pekerjaan graduan mengikut peringkat pengajian 2019

Taraf pekerjaan	Ph.D (n=2,247)	Sarjana (n=14,227)	Ijazah pertama (n=86,386)	Diploma (n=66,750)	Sijil (n=18,579)
	%				
Bekerja sendiri	3.2	3.7	5.0	6.9	14.4
Bekerja dengan keluarga	1.1	1.2	4.9	5.9	6.8
Majikan	1.8	1.8	4.8	5.4	4.9
Pekerja kerajaan	59.0	44.6	9.5	4.9	2.8
Pekerja swasta (termasuk NGO)	32.4	46.9	73.3	74.2	69.1
Freelance	2.5	1.9	2.4	2.6	1.9
Jumlah	100	100	100	100	100

Taraf Pekerjaan Graduan Mengikut Peringkat Pengajian 2019

- Taraf pekerjaan mengikut peringkat pengajian menunjukkan peratus tertinggi graduan Ph.D bekerja sebagai pekerja kerajaan, iaitu 59.0 peratus, diikuti pekerja swasta (termasuk NGO) sebanyak 32.4 peratus dan bekerja sendiri sebanyak 3.2 peratus.
- Dua kelompok terbesar graduan sarjana 2019 bekerja sebagai pekerja swasta, iaitu 46.9 peratus dan 44.6 peratus sebagai pekerja kerajaan.
- Majoriti graduan ijazah pertama 2019 bekerja sebagai pekerja swasta, iaitu 73.3 peratus, diikuti pekerja kerajaan (9.5 peratus), bekerja sendiri dan bekerja dengan keluarga masing-masing sebanyak 5.0 peratus.
